


WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA



MEMBAHARUI KAMPONG BHARU



ZALIHA ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Menteri Wilayah.

Gubal dasar dan strategi

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** mewujudkan semula Majlis Menteri Wilayah selepas ia kali terakhir bermesyuarat pada tahun 2019.

Menurut Zaliha, mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan dianggotai oleh semua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan wakil-wakil dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Mesyuarat ini berfungsi untuk menyalurkan input dalam merancang dan menggubal dasar serta strategi pembangunan di Kuala Lumpur.

“Selain itu, mesyuarat ini juga akan menjadi platform untuk menyelesaikan isu-isu dasar berdasarkan pelaporan perkara-perkara yang telah diputuskan pada Mesyuarat Konsultasi Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Ahli Parlimen Kuala Lumpur,” katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Beliau berkata mesyuarat ini akan diadakan setiap tiga bulan sebagai langkah berterusan dalam menangani perkembangan dan keperluan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“Selain itu ia akan memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap keputusan dan langkah strategik adalah berasaskan keperluan semasa dan mengambil kira harapan rakyat di Kuala Lumpur,” katanya.

Dalam pada itu, Zaliha menyatakan dalam mesyuarat pertama yang diadakan, terdapat sembilan isu dasar yang menjadi tumpuan dibincangkan dan akan diambil tindakan kelak.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Noridah Abdul Rahim dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh. **WK**

Agihan agensi ke kementerian

MENTERI Komunikasi, **Fahmi Fadzil** memaklumkan Jemaah Menteri telah berbincang tentang agihan atau pindahan agensi-agensi ke kementerian.

Katanya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) masih kekal di bawah kementerian beliau.

Tambah Fahmi, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU); Digital Nasional Berhad (DNB); Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Cybersecurity Malaysia akan dipindahkan ke Kementerian Digital yang diterajui Gobind Deo Singh.

“Sebelum ini, Cybersecurity dimaklumkan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) tetapi Perdana Menteri telah setuju aspek korporat kerja-kerja berkaitan syarikat swasta boleh diteruskan dan sesuai diletakkan di bawah Kementerian Digital.

“Cuma perlu ada sedikit penjenamaan agar tidak perlu salah faham aspek keselamatan siber,” katanya pada sidang media Pasca Mesyuarat Kabinet.

Sementara itu, Fahmi yang juga merupakan Jurucakap Kerajaan memberitahu, MIMOS Berhad di bawah JPM akan kembali kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

“Walau bagaimanapun, fungsi ID digital MIMOS akan kekal di bawah JPM, sebaik sahaja ia dibangunkan sepenuhnya pada bulan Mac nanti, ia kemudiannya akan diterajui oleh Kementerian Digital,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak membincangkan perkara permohonan pengampunan diraja bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Tambah Fahmi, proses sewajarnya perlu diikuti dan perkara itu akhirnya terletak di tangan Yang di-Pertuan Agong.

“Biasanya kita tidak boleh mendahului proses itu. Jadi kita serahkan kepada Lembaga Pengampunan untuk berbincang.

“Itu adalah kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Lembaga Pengampunan,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Lembaga Pengampunan dijadual akan membuat keputusan berhubung permohonan Najib untuk mendapatkan pengampunan pada akhir bulan ini.

Menurut laporan itu, permohonan oleh bekas Perdana Menteri yang sedang dipenjarakan tersebut akan didengar dalam sesi lembaga yang dijadualkan pada minggu ketiga Januari. **WK**



FAHMI dalam sidang media Pasca Mesyuarat Kabinet pada Selasa.

Negara penuh unjuran membanggakan

Kerajaan capai hasil RM238 bilion

SYED HAZIQUE

KERAJAAN Persekutuan berjaya mencapai hasil negara sebanyak RM238 bilion sekali gus menepati unjurannya pada tahun lalu.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata jumlah itu dijana hasil daripada kutipan masing-masing RM183 bilion oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta RM55 bilion lagi menerusi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

“Hasil negara, kita akhirnya dapat memenuhi unjuran yang tidak selalu dicapai. Kalau JKDM itu, memang peroleh lebih kutipan dari yang diunjurkan. Kesemua kutipan sebanyak LHDN RM183 bilion dan JKDM RM55 bilion,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan warga Kementerian Kewangan (MOF) bersama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan baru-baru ini.

Sementara itu, Anwar turut memberitahu, beliau yakin kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lepas berjaya dicapai sebanyak empat peratus.

“Jika dilihat, kadar KDNK untuk tiga suku pertama berada pada tahap 3.9 peratus, sasaran KDNK 2023 *insya-Allah* empat peratus.

“Jangan kita terpukau dengan angka. Saya tak kata statistik itu menipu, statistik boleh

dipertahankan, tetapi kadang-kadang di beberapa kawasan itu, harga (barangan) itu mungkin berbeza, statistik ini angka purata sahaja,” kata beliau.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri turut menjelaskan kerajaan fokus untuk meneruskan inisiatif subsidi bersasar, sungguhpun wujud kebimbangan dan kritikan pihak lain.

Malah Anwar turut menegaskan kerajaan tidak akan meneruskan agihan subsidi sehingga RM80 bilion setahun, selain menyifatkan ia hanya lebih menguntungkan golongan kaya dan warga asing.

“Subsidi mencecah RM80 bilion tidak mungkin akan diteruskan lagi sebab ia membebankan negara dan merosakkan akar sendi ekonomi negara, tetapi tidak boleh ditarik subsidi sehingga membebankan rakyat.

“Justeru itu, apa yang dilakukan ialah menarik subsidi bagi 3.5 juta warga asing yang selama ini mendapat manfaat pada semua minyak, bekalan elektrik dan sebagainya. Mereka dapat menggunakan subsidi selain orang yang maha kaya. Jangan kita beri sedekah kepada orang kaya,” katanya.

Beliau juga memaklumkan sudah mengarahkan Kementerian Ekonomi untuk menyejajarkan pelarasan subsidi minyak petrol dan diesel. **WK**



ANWAR ketika berucap pada perhimpunan warga MOF.

Penglibatan bersama pemilik dan pewaris diteruskan

Isu Kampong Bharu perlu dinoktahkan

AZLAN ZAMBRY

PENGLIBATAN bersama pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu akan diteruskan bagi mencari penyelesaian dalam meneruskan agenda membangunkan semula kawasan ikonik penempatan orang Melayu itu.

Bercakap dalam wawancara eksklusif bersama *Wilayahku* baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata isu pembangunan kawasan tersebut telah berlarutan sejak sekian lama dan perlu diselesaikan kerana suasana di sekitar kawasan itu pesat membangun sekali gus menyebabkan ia tertinggal.

“Kawasan Kampong Bharu ini merupakan penempatan orang Melayu di tengah pusat bandar Kuala Lumpur dan dengan sensitiviti ini, ia perlu dibangunkan selari dengan kawasan sekelilingnya.

“Cuma ada kekangan tertentu yang melibatkan kawasan rizab Melayu, namun ia tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan kawasan itu dan setakat maklumat



KAMPONG Bharu terus ketinggalan dalam pembangunan kawasan sekitar.

yang diterima daripada agensi yang bertanggungjawab, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), sudah 88 peratus pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu yang sudah bersetuju untuk membangunkan kawasan itu,” katanya.

Jelas Zaliha, beliau akan bertemu baki 12 peratus pemilik

tanah untuk memahami kehendak mereka dan beliau yakin dengan pendekatan yang sedikit berbeza akhirnya apa yang diharapkan pembangunan Kampong Bharu dapat direalisasikan.

Dalam mencari jalan penyelesaian berhubung masalah berkenaan, Zaliha berkata setiap pemimpin atau menteri

yang dipertanggungjawabkan mempunyai cara yang berbeza untuk menyelesaikan masalah pembangunan di kawasan tersebut.

“Saya tidak menolak apa yang telah dilakukan oleh menteri-menteri sebelum ini jadi bagi saya, masih terlalu awal untuk memberikan sebarang keputusan kerana saya perlu menemui sendiri penduduk dan pewaris tanah,” katanya.

Beliau berkata mungkin pendekatan yang dimulakan oleh bekas menteri itu boleh dilaksanakan atau berkemungkinan pihaknya akan melakukan kajian dan penilaian untuk menawarkan pendekatan yang baharu dan formula menang-menang antara penduduk dan kerajaan.

“Bagi saya, kawasan-kawasan yang telah diwartakan untuk dibangunkan itu ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan segera dan yang itu kita kena tengok dan beri keutamaan mengenainya.

“Jika kita hendak membangunkan kesemua sekali gus, kita perlu lihat banyak faktor, jadi mana yang telah bersetuju dan ada di dalam perancangan, saya lihat ia akan diberi keutamaan di mana perlu

menyelesaikan isu-isu berbangkit sebelum memudahkan pembangunan berkenaan. Saya juga akan meneliti secara langsung pembangunan ini mengikut *parcel-parcel* atau mana yang lebih baik,” katanya.

Ujar Zaliha, pendekatan yang terbaik adalah pihaknya perlu menyelesaikan mana-mana kawasan yang telah dipersetujui dan dibangunkan, kemudian diikuti dengan kawasan lain.

“Berkenaan dengan tempoh masa pula, ia bergantung kepada kekuatan ekonomi dan birokrasi tertentu yang perlu dilalui sebelum ia diberi kebenaran merancang pembangunan namun sebelum kesemua proses tersebut dilalui, ia hanya boleh didapati dengan kestabilan politik,” ujarnya.

Tambah Zaliha, beliau bercadang untuk melakukan program *townhall* dengan melibatkan pihak berkepentingan iaitu pemilik dan pewaris tanah.

“Memang ada perancangan untuk bertemu dengan mereka dan mendengar sendiri pandangan dan cadangan yang akan disampaikan dan ia mungkin dilaksanakan pada Febuari ini,” katanya. **WK**

7,242 pemilik berdaftar

PERBADANAN Pembangunan Kampong Bharu (PKB) merekodkan seramai 7,242 pemilik berdaftar hartanah di Kampong Bharu.

Ketua Pegawai Eksekutif PKB, **Dr Amir Raslan Abu Bakar** berkata jumlah tersebut adalah dari sejak tahun 1900 sehingga kini yang merupakan generasi ketiga sehingga generasi kelima.

“Jumlah tersebut adalah berdaftar yang memiliki lebih 1,355 lot tanah di kawasan Kampong Bharu,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Untuk rekod, PKB telah meraih persetujuan 88 peratus pemilik dan pewaris untuk membangunkan Kampong Bharu selari dengan hasrat Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Kerajaan Persekutuan.

Ditanya mengenai baki 12 peratus yang belum menyatakan persetujuan terhadap cadangan pembangunan itu, Amir Raslan berkata faktor kesukaran menyelesaikan isu pemilikan tanah berganda (*multiple ownership*) adalah penyebab utama persetujuan tidak boleh dicapai dalam kalangan pemilik dan pewaris.

“Daripada jumlah yang dinyatakan tadi, PKB telah mengesan terdapat 590 kes kematian pemilik yang memerlukan penyelesaian isu harta pusaka.

“Ketidadaan muafakat antara pemilik dan pewaris tanah yang mengakibatkan kegagalan mendapat persetujuan bersama bagi menyelesaikan isu harta pusaka dan pembangunan semula,” katanya.

Beliau menambah, ada dalam kalangan pemilik dan pewaris yang menolak pembangunan kerana mahu mengekalkan aset hartanah sedia ada sebagai harta turun-temurun.

“Selain itu, ada dalam kalangan pemilik atau pewaris bersikap tunggu dan lihat serta menantikan tawaran terbaik yang boleh diterima mereka,” katanya.

Menurut Amir Raslan, pelaksanaan pembangunan Kampong Bharu adalah berdasarkan kepada Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu (PIPKB) yang memberi tempoh perancangan dan pembangunan sehingga 2040.

“Sebenarnya pembangunan ini boleh dilaksanakan tanpa persetujuan 100 peratus pemilik dan pewaris kerana ia adalah berdasarkan kepada ketetapan

Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur dan Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kampong Bharu yang telah menyatakan dengan jelas kaedah pengambilan tanah boleh dilaksanakan melalui seksyen 3(1) (b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) sekiranya rundingan untuk mendapatkan persetujuan gagal dicapai,” katanya.

Rancangan pembangunan semula kampung tradisi Melayu dikatakan sukar untuk diteruskan berikutan masalah melibatkan pemilikan berganda dan kini telahpun meningkat sehingga kepada generasi ke lima serta tidak mendapat kata putus dalam kalangan waris. **WK**



AMIR

Usaha Zaliha disokong

BADAN bukan kerajaan (NGO) berkaitan Kampong Bharu menyambut baik kesediaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa untuk meneruskan rancangan dalam membangunkan penempatan itu sekali gus membuka peluang untuk memodenkan kawasan ikonik milik orang Melayu itu.

Pengerusi Persatuan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB), **Ar Ts Sri Nor Shamsul** berkata kesediaan Zaliha untuk menyambung semula perancangan yang tertangguh wajar disokong semua pihak bagi melihat pembangunan semula itu dilaksanakan.

Namun pada masa sama, Nor Shamsul menyarankan kepada pihak menteri dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) untuk mengadakan pertemuan dengan kumpulan sasar tanpa perlu mengadakan sesi *townhall*.

“Saya rasa cadangan untuk menganjurkan sesi *townhall* ini terlalu drastik dikhuatiri beliau tidak mampu mengawal luahan masyarakat yang masing-masing hendak menunjukkan kehebatan walaupun matlamatnya adalah sama.

“Saya suka sekiranya pendekatan untuk melakukan *engagement* ini dilaksanakan secara kecil-kecilan dan lebih bersasar kerana kita telah pun mempunyai keputusan hasil daripada banciaan yang dilakukan sebelum ini,” katanya.

Menjelas lanjut, Nor Shamsul semua pihak berkepentingan sudah tidak perlu

untuk menganjurkan sesi penerangan pelan pembangunan untuk keempat atau kelima kerana penganjuran sebanyak tiga kali sebelum ini telah pun ditolak oleh penduduk.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat Lembaga Pentadbir Petempatan Pertanian

Melayu Kampung Baru (MAS), **Shamsuri Suradi** berkata isu pembangunan itu telah berlanjutan sekian lama hanya boleh ditamatkan melalui keazaman politik (*political will*) semua pihak berkepentingan demi melihat penempatan orang Melayu itu dibangunkan.

“Isu (pembangunan) ini mula diperkatakan sejak 50 tahun lalu sebaik sahaja perisytiharan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan dan sejak dari itu, isu pembangunan ini sering disuarakan oleh menteri-menteri terlibat namun ia masih tidak berjaya,” katanya.

Ujar Shamsuri, pihak berkepentingan wajar menyelesaikan perkara itu sekali gus dapat merungkai masalah pemilikan tanah disebabkan isu berkaitan dokumentasi.

“Saya sarankan agar semua pihak dapat duduk semeja termasuklah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL), PKB dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ia dibawa ke proses selanjutnya,” katanya.

Beliau yang juga generasi ketiga turut menyuarakan pendapat supaya sesi pendengaran awam yang dirancang hanya dibuat secara tersasar melibatkan kumpulan kecil. **WK**



NOR SHAMSUL



SHAMSURI

PADU lindungi data

Rakyat tak perlu gusar

KECOH baru-baru ini Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan kerajaan pada 2 Januari lalu dikatakan tidak selamat kerana maklumat peribadi rakyat mudah diakses oleh scammer.

Dakwaannya yang tidak berasas itu timbul apabila banyak video fitnah yang disebarkan oleh golongan tidak bertanggungjawab di laman sosial sekali gus menyebabkan orang ramai bertambah panik.

Realitinya rakyat tidak perlu gusar kerana apa sahaja maklumat yang dikumpul menerusi sistem PADU dikawal selia oleh beberapa akta sedia ada antaranya Akta Omnibus yang mampu menghalang daripada ia disalahgunakan.

Dari sisi yang lain, sistem ini memberi banyak manfaat kepada rakyat kerana kemudahan yang diberikan oleh kerajaan bakal dinikmati sepenuhnya oleh golongan yang berhak. Inisiatif tersebut juga mampu mengurangkan ketirisan dan perbelanjaan subsidi yang ditanggung kerajaan melebihi RM80 bilion dan juga selaras dengan pendekatan dan transformasi digital.

Ia turut memberi jaminan manfaat kemudahan tersebut dapat dinikmati mereka yang berhak menerimanya dan dalam masa yang sama mengurangkan kos serta ketirisan.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata perbelanjaan kerajaan dalam semua bidang bagi membantu rakyat miskin di desa, pedalaman, nelayan dan petani mencecah RM22 bilion sedangkan kajian menyata-



PADU turut menggabungkan data dari jabatan dan agensi kerajaan.

kan penyaluran subsidi tidak sampai kepada kumpulan sasar.

“Bantuan diberikan kerajaan dikira dengan nilai sekarang mencecah RM80 bilion dan tidak mungkin Malaysia bertahan urusan kewangan belanjawan jika hal ini tidak dapat diperbaiki,” jelasnya.

Beliau berkata, subsidi yang diberikan sebelum ini turut dinikmati hampir 3.5 juta warga asing dengan nilai perbelanjaan mencecah RM10 bilion.

“Istilah subsidi ialah bantuan

kepada orang memerlukan, tetapi amalan Malaysia tahun demi tahun tidak pernah tukar yang mana ia diberikan kepada semua rakyat termasuk golongan maha kaya yang menggunakan elektrik lebih tinggi,” ujar beliau.

Jadi, untuk tahun ini dilaksanakan penyasaran subsidi elektrik dan hasilnya ikut unjuran, maka penjimatan lebih RM4 bilion kerana ia tidak diberikan kepada golongan maha kaya dan warga asing.

Diharapkan rakyat memahami lebih teliti sebelum menyimpulkan sebarang pendapat tentang PADU kerana ia hanya satu kaedah pengumpulan maklumat peribadi untuk memudahkan semua pihak.

Bersamalah kita memudahkan penambahbaikan ini dengan melakukan pendaftaran sehingga 31 Mac depan bagi mengemas kini serta mengesahkan 39 item maklumat peribadi seperti kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat. **WK**

Kerajaan tepis dakwaan tidak peka isu rakyat

SEJAK kebelakangan ini, pelbagai desas-desus berhubung gerakan menumbangkan Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim bertebaran di laman sosial dan turut menjadi topik perbualan utama.

Malah, tidak dinafikan pelbagai tuduhan dan fitnah dilemparkan kepada Perdana Menteri kononnya ia terjadi lantaran kerajaan pimpinan beliau yang tidak cakna masalah rakyat.

Selepas lebih satu tahun mentadbir, Kerajaan Perpaduan telah jelas membuktikan pelbagai masalah yang dihadapi rakyat berjaya diselesaikan.

Dari isu barangan asas seperti beras yang kini berjaya diselesaikan menerusi projek padi ala Sekinchan, menarik pelabur dari negara besar ekonomi dunia ke Malaysia dan sebagainya sudah dibuktikan kerajaan.

Namun masih ada kedengaran tuduhan yang tidak berasas oleh golongan yang kelihatan terdesak untuk meraih perhatian rakyat sekali gus menjatuhkan kerajaan



ANWAR berjaya menyelesaikan pelbagai masalah dihadapi rakyat. - Gambar hiasan

sedia ada.

Dalam kesibukan tanggungjawab mengemudi pentadbiran negara, Anwar tidak mahu memikirkan soal Langkah Dubai kerana ia tidak langsung memberi kesan kepada Kerajaan Perpaduan.

Malah tumpuan kerajaan pimpinannya sekarang adalah soal kerja semata-mata selain usaha keras dalam membangunkan negara dan menjaga kebajikan rakyat khususnya.

“Saya baca mengenai Langkah

Dubai, tapi bagi saya kita tumpu soal kerja. Itu kerja mereka bagi saya tidak mengesankan. Yang penting, kita dah mula 2 Januari melancarkan satu program penting (Pangkalan Data Utama - PADU),” katanya.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Komuniti) Jabatan Komunikasi Komuniti (J-Kom), Datuk Ismail Yusop dilaporkan mendakwa, Langkah Dubai timbul sewaktu percutian pemimpin pembangkang termasuk daripada pihak kerajaan di ibu kota Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini.

“Saya ada terbaca mengenai Langkah Dubai di media sosial tetapi bagi saya, kita tumpu soal kerja. Langkah Dubai itu kerja mereka namun bagi saya ia tidak memberi kesan kepada kedudukan Kerajaan Perpaduan.

“Tumpuan utama kerajaan ketika ini adalah membangunkan negara dan menjaga kebajikan seluruh rakyat sekali gus menepis fitnah Anwar tidak peka,” ujar beliau. **WK**

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

13-14/1/24: Bengkel Media Sosial Content Creator Usahawan Putrajaya @ Hotel Mercure, Shaw Parade

14/1/24: Morning @ Menara Kuala Lumpur

16/1/24: Temuduga Terbuka JKKN @ Tingkat 34, Menara TH Perdana, Kuala Lumpur

31/10/23-20/1/24: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

25-26/1/24: Pameran Digital Hang Tuah Tidak Mati @ MATIC

30-31/1/24: Pertunjukan kebudayaan @ Mini Auditorium MATIC

PUTRAJAYA



13-14/1/24: Putrajaya Watergate sixteen hour 2024 @ Kompleks Sukan Air Putrajaya

14/1/24: Putrajaya Lake Half Marathon 2024 @ Monumen Alaf Baru Presint 2, Putrajaya

28/1/24: MAIWP Run @ Dataran Putrajaya

3/2/24: Pertandingan Melukis Doodle @ Dewan Seri Siantan

3-4/2/24: Senamrobik bersama Cikgu Laili @ Dataran Putrajaya

4/2/24: Pertandingan Lego @ Perbadanan Putrajaya

LABUAN



14/1/24: Program Kesedaran Kanser Serviks (WCaRe) @ Jabatan Kesihatan Labuan

21/1/24: Chinese New Year charity event @ Dewan SJK(C)Chi Wen, Labuan

28-30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Caj RM1 kepada warga asing

Perkhidmatan bas GoKL catat penurunan

HAZIRAH HALIM

PENGUNAAN perkhidmatan bas GoKL dilihat menurun hampir 80 peratus berbanding sebelum ini sejak caj bayaran sebanyak RM1 bagi setiap perjalanan dikenakan kepada warga asing bermula 1 Januari lalu.

Hasil tinjauan *Wilayahku* di dua lokasi hab bas iaitu Hab Pasar Seni dan Hab Titiwangsa pada Selasa mendapati perkhidmatan bas GoKL kurang mendapat sambutan daripada warga asing.

Penyelia Bas GoKL di Hab Bas Pasar Seni, Thilhath Hassan Hagamat, 38, berkata kawasan tersebut mencatatkan rekod penggunaan perkhidmatan bas GoKL tertinggi berbanding dua kawasan lain iaitu di Hab Titiwangsa dan Hab KLCC sebelum ini.

“Boleh dikatakan hampir setiap hari terutama waktu puncak pagi (7 hingga 9 pagi) dan waktu puncak petang (5 petang hingga 7 malam), bas ini akan dipenuhi oleh warga asing.

“Namun, sejak dikenakan



TINJAUAN mendapati warga asing tidak lagi membanjiri hab bas.

bayaran, mereka kurang berminat untuk menaiki bas kerana tidak mahu membayar tambang atau membeli kad *Touch 'n Go* (TNG)

semata-mata mahu menaiki bas.

“Ada juga yang mempersoalkan kenapa perlu membayar tambang sedangkan sudah beberapa tahun

lamanya tidak dikenakan sebarang caj, jadi saya ambil langkah dengan beri penjelasan supaya mereka faham tentang pelaksanaan ini,” katanya.

Meskipun kurang mendapat sambutan warga asing namun Hassan memberitahu perkhidmatan itu tetap menjadi pilihan warga tempatan untuk ke tempat kerja.

“Kalau kita lihat ramai dalam kalangan bangsa Melayu, Cina dan India, yang menggunakan perkhidmatan ini terutama ketika waktu bekerja,” katanya.

Sementara itu, Penyelia Bas GoKL di Hab Titiwangsa, Saravanan Kumar berkata lokasi itu menunjukkan penambahan pengguna perkhidmatan adalah kepada warga tempatan berbanding warga asing.

“Biasanya pada pukul 5 petang, kita boleh nampak kira-kira 70 orang warga asing menunggu bas tetapi sekarang saya lihat terdapat penambahan daripada segi warga tempatan.

“Bagi saya, caj yang dikenakan kepada warga asing itu tidaklah

mahal cuma mungkin mereka kurang mendapat pendedahan tentang pelaksanaan baharu ini,” katanya sebanyak 23 bas GoKL yang beroperasi di hab Titiwangsa.

Sungguhpun begitu, dia ingin berterima kasih kepada warga tempatan kerana memilih untuk menggunakan perkhidmatan bas GoKL tersebut bagi memudahkan perjalanan memandangkan ia adalah perkhidmatan percuma sekiranya mereka berdaftar.

Sebelum ini, DBKL mengeluarkan kenyataan tentang caj bayaran kepada warga asing di mana ia akan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan empat laluan di sekitar pusat bandar iaitu Laluan 01 (hijau), Laluan 02 (ungu), Laluan 03 (merah) dan Laluan 04 (biru).

Transaksi pembayaran adalah tanpa tunai iaitu melalui TNG, kod QR, kad kredit atau kad debit.

Manakala bagi warganegara Malaysia yang menggunakan MyKad mempunyai sistem TnG perlu membuat pendaftaran MyKad tersebut bagi menikmati perkhidmatan percuma. **WK**

Bentuk bandar raya mampan

KEBUN Kejiranan Bandar adalah antara inisiatif terbaik yang dilaksanakan dalam usaha untuk mencapai Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya mampan.

Menerusi hantaran di laman *Facebook* Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL) berkata program kebun kejiranan itu wajar dilaksanakan selari dengan pelaksanaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030) dan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

“Program ini juga akan membantu mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti *SDG 1- No Poverty*, *SDG 2-Zero Hunger*, *SDG 3 - Good Health and Well Being*, *SDG 11 Sustainable Cities and Communities* serta *SDG 13 - Climate Action*.

“Paling utama adalah *SDG 17- Partnerships For The Goals* atau perkongsian ke arah matlamat di mana rakan kongsi LA21KL untuk mencapai sasaran projek ini.

“Melalui pendekatan dan pelaksanaan program berkonsepkan LA21KL, program ini menggalakkan tanah kebun diuruskan oleh satu badan entiti yang berpersatuan terutama persatuan penduduk yang melibatkan penghuni di sesebuah kawasan kejiranan hijau lebih

bersistematik,” jelas hantaran tersebut.

Jelasnya, ia akan dilaksanakan berasaskan perkongsian dan kerjasama dalam usaha mewujudkan gerakan komuniti pertanian bandar melalui pengurusan kebun komuniti yang mendatangkan hasil berekonomi dan pintar.

Terdahulu, satu program Retreat Kebun Kejiranan Bandar Sesi 2024-2026 telah diadakan selama tiga hari pada 5 hingga 7 Januari dengan melibatkan beberapa wakil komuniti, badan bukan kerajaan, institusi pendidikan dan swasta.

Ia disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) merangkap Ketua Penyelaras KI Bersih dan Indah LA21KL, Ismadi Sakirin dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan DBKL yang berkaitan.

Retreat tersebut diadakan sebagai usaha bersama dalam menjayakan pelaksanaan Program Kebun Kejiranan Baandar untuk tempoh tiga tahun akan datang selain ia juga menekankan penglibatan tiga pihak iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), agensi kerajaan, masyarakat dan sektor swasta bekerjasama merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup lebih baik. **WK**



SEBAHAGIAN peserta yang hadir pada program Retreat Kebun Kejiranan Bandar.



Cabutan bonanza 2024

BERITA baik semua pembayar cukai taksiran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjemput anda untuk menyertai Cabutan Bonanza Cukai Taksiran DBKL 2024 dan berpeluang memenangi hadiah utama iaitu sebuah kereta jenis BYD Dolphin serta pelbagai hadiah menarik.

Hanya dengan tiga langkah mudah iaitu Daftar, Bayar dan Menang, anda terlebih dahulu perlu mengimbas kod QR yang tertera di poster cabutan bonanza di *Facebook* DBKL untuk mengemaskini e-mel dan nombor telefon.

Kemudian, bayar cukai taksiran anda bagi tahun 2024 (penggal 2) sebelum 29 Februari dan pastikan tiada tertunggak.

Menurut DBKL, cabutan bonanza ini terbuka kepada semua pemilik harta individu, harta syarikat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan institusi (kewangan dan bukan kewangan) di Kuala Lumpur.

“Ia terbuka kepada warga Kuala Lumpur yang telah mendaftar e-mel untuk menerima eBill dan telah membuat bayaran cukai taksiran 2024 untuk setahun (2 penggal),” jelasnya. **WK**



AGONG berkenan menerima menghadap Perdana Menteri di Istana Negara pada Selasa.

Langkah Dubai dan musuh



ZULKIFLI SULONG

PADA 15 Julai 2016, Tayyib Erdogan telah berjaya menumpaskan satu percubaan merampas kuasa yang didalangi oleh sekumpulan pemimpin tentera Turki. Sekurang-kurangnya 265 orang terbunuh dalam misi rampasan kuasa ini. Erdogan, ketika itu adalah Perdana Menteri Turki, hampir terbunuh ekoran percubaan rampasan kuasa itu.

Ekoran percubaan itu, Erdogan telah bertindak tegas dan keras kepada musuh-musuh politik yang cuba menggulingkan beliau, yang dipilih majoriti rakyat Turki. Ramai yang dipenjarakan bahkan ramai pihak-pihak yang terlibat di dalam komplot ini dikenakan pelbagai tindakan termasuk mereka yang cuba lari ke luar negara.

Bagi Erdogan, usaha beliau untuk mengeluarkan negara dari gelaran 'The sick of Europe' atau 'Negara sakit di Eropah' bukan mudah. Ia perlukan masa dan beliau tidak mahu, usaha beliau sejak sekian lama selepas mengambil alih pentadbiran Turki hanyut ke selat Bosphorus begitu sahaja.

Ciri utama negara yang boleh maju bagi Erdogan adalah kestabilan khasnya politik. Bila politik kita stabil, pemimpin boleh memberikan tumpuan sepenuhnya untuk membina negara.

Inilah yang dihadapi oleh Malaysia sekarang. Selepas mengalami pertukaran kerajaan sebanyak tiga kali dalam penggal sebelum ini, ekonomi negara sukar hendak dipulihkan kembali.

Para pemimpin negara ketika itu lebih memikirkan bagaimana untuk mengekalkan kuasa. Jika mereka merasa kedudukan mereka tercabar, maka itulah yang diberikan tumpuan oleh mereka, kekalkan kuasa.

Kalau difikirkan kuasa mereka

boleh tergugat dengan persidangan Parlimen, maka carilah jalan untuk memastikan Parlimen tidak perlu bersidang. Jalannya adalah daruratkan negara. Itulah yang dilakukan oleh pemimpin sebelum ini sehingga pelabur tidak yakin untuk masuk.

Kini, suasana yang dialami oleh Erdogan di Turki sebelum ini juga dihadapi oleh sahabat baik beliau, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pihak-pihak yang terasa tergugat dengan siasatan pihak berkuasa cuba untuk menggugat beliau dengan apa yang dikenali sebagai Langkah Dubai.

Dalam kenyataannya lewat petang Selasa (9 Januari lepas) PM Anwar secara sinis mencadangkan pihak-pihak yang ada duit lebih, bolehlah dermakan duit itu kepada para asnaf sebagaimana yang disarankan oleh Islam.

Menurut PM, dalam pertemuan beliau dengan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah supaya beliau selaku Perdana Menteri dan Kerajaan Madani untuk meneruskan kerja mengurus negara.

Baginda juga bertitah bahawa pihak istana tidak akan terlibat dalam sebarang percaturan politik.

"Saya juga menambah seandainya ada cadangan mana-mana pihak untuk menyampaikan derma sebanyak RM500 juta atau RM750 juta, ia hendaklah disalurkan terus kepada asnaf dan golongan miskin dalam negara," kata Anwar dalam kenyataan itu.

Ini berikutan dakwaan bahawa seorang bekas pemimpin negara memperuntukkan RM750 juta untuk menggulingkan kerajaan Madani pimpinan Anwar ini melalui pintu belakang.

Mereka berusaha memujuk dan mengumpan pihak-pihak tertentu agar menyokong mereka untuk menggulingkan kerajaan yang ada.

Yang menariknya juga, apa yang didengar oleh rakyat sekarang adalah kenyataan demi kenyataan dari laskar siber yang mengatakan

Kerajaan Madani ini akan jatuh dan kerajaan akan jatuh.

Ia tidak disertakan dengan sebarang bukti bahkan kenyataan mereka sendiri juga bercanggah antara satu kenyataan dengan satu kenyataan yang lain. Bahkan ia dinafikan pula oleh pihak yang sepatutnya terlibat secara langsung dengan perkara itu.

Bagi kita, golongan sebegini adalah musuh utama kepada negara. Ketika pemimpin negara sedang berusaha untuk menstabilkan negara agar kita boleh memberikan tumpuan untuk memajukan ekonomi negara dan rakyat, dia pula yang menghasut agar percaya bahawa negara ini tidak stabil.

Kalau rakyat negara ini boleh percaya dengan cakap-cakap mereka yang disebar oleh media sosial ini, apatah lagi mereka yang mendengarnya dari luar negara termasuk para pelabur.

Jika pelabur tiba-tiba menarik balik cadangan pelaburan mereka selepas mendengar berita palsu yang negatif ini, maka usaha sekian lama yang dibuat oleh PM Anwar dan pasukannya sia-sia sahaja.

Saya setuju dengan pandangan Pengarah Komunikasi UMNO, Datuk Lokman Noor Adam bahawa mereka ini musuh negara dan tindakan tegas perlu dikenakan ke atas orang-orang yang menggugat dan mengucar kacirkan ketenteraman dan kestabilan negara ini.

Kita faham, Erdogan bertindak keras berdasarkan suasana negara bangsa mereka yang setiasa berada di depan dalam isu keselamatan, tetapi kita juga tidak boleh membiarkan pihak yang menggugat kestabilan negara ini walaupun suasana kita tidaklah seganas Turki.

Perang bermakna memancung atau dipancung, menembak atau ditembak. Jadi bertindaklah sewajarnya.

Penulis adalah penganalisis politik. Ini adalah pandangan peribadi beliau.



Kawal kebanjiran warga asing

TINDAKAN tepat dan wajar diteruskan! Itu pandangan kawan-kawan Kedai Kopi terhadap operasi pihak berkuasa menggempur 'Mini Dhaka' di Jalan Silang, Kuala Lumpur pada akhir bulan lalu (Disember 2023) dan awal bulan ini.

Operasi juga dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di kawasan Jalan Haji Taib, Chow Kit. Tindakan termasuk menyita dan pindah barangan ke atas pemilik aktiviti atau tapak lot perniagaan yang gagal mempamer lesen dan dikendalikan oleh warga asing.

Tindakan ini menggambarkan isu kebanjiran warga asing di negara ini berada pada tahap membimbangkan, ditambah dengan perlakuan mereka yang sering melanggar undang-undang.

'Mini Dhaka' sempena nama Dhaka, ibu negara Bangladesh. Namun bukan hanya warga Bangladesh memenuhi negara ini, tetapi juga Nepal, Myanmar, Indonesia dan lain-lain. Kerana ramainya mereka sehingga membentuk koloni di kawasan tertentu.

Kawan-kawan Kedai Kopi teringat lama dahulu ketika memohon untuk mendapatkan visa ke Bangladesh atas urusan kerja, Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur mengingatkan jangan cuba tinggal dan bekerja di sana.

Dalam hati terdetik kata, siapa

pula hendak bekerja di sana. Yang pasti ramai rakyat negara itu datang ke negara ini mencari rezeki. Rakyat negara itu yang lebih memerlukan kerja di negara ini, bukan sebaliknya.

Kebanjiran warga asing memberi kesan negatif kerana apabila berada dalam satu koloni besar, mereka berlagak seperti warga tempatan, membuka perniagaan atau menggaji warga asing tanpa kebenaran.

Justeru serbuan pihak berkuasa mengepung 'Mini Dhaka' yang melibatkan 1,000 orang pegawai dan anggota polis Pasukan Gerakan Am (PGA) ialah bagi menangani kebanjiran warga asing di Jalan Silang, perniagaan yang dimiliki serta kegiatan menggaji warga asing.

Serbuan susulan minggu lalu membabitkan 300 pegawai dan anggota penguat kuasa DBKL. Dalam serbuan ini DBKL mengambil tindakan sita serta kompaun terhadap peniaga dan penaja warga asing.

Yang menakutkan, serbuan pihak berkuasa mendapati warga asing menawarkan khidmat klinik persendirian. Tentu sahaja operasi klinik ini tidak mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan tidak dilesen oleh DBKL.

Sangat berbahaya klinik ini kerana tidak diketahui adakah pengendalinya benar-benar berkelayakan dan ubat yang diberikan adakah benar-benar asli serta mematuhi piawaian.

Kekang kegiatan 'ulat parkir'

APA perasaan anda apabila kereta yang diparkir dirosakkan? Catnya yang cantik berkilat digores atau tayarnya dibuang angin? Semua gara-gara tidak memberi tip atau bayaran kepada ulat parkir di tempat anda meletak kenderaan.

Gejala ini dikatakan berleluasa di ibu negara sekarang. Ulat parkir beroperasi di kawasan lapang awam, termasuk kawasan parkir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas tamat waktu operasi parkir.

Hak orang jadi hak sendiri. Itulah perangai ulat parkir. Mereka mengutip bayaran kenderaan yang diletak di kawasan awam. Bayaran pula diletak tinggi, sehingga berbelas ringgit. Jika mahu parkir, kena bayar. Jika parkir tetapi tidak mahu bayar, risikonya kereta akan cacat.

Kawan-kawan Kedai Kopi biasa melihat ulat parkir yang berkeliaran di kawasan parkir yang digazet. Namun mereka ini tidaklah menuntut sejumlah bayaran tertentu. Jika pemandu menghulur RM1 pun mereka

sudah seronok.

Jarang mendengar ulat seperti ini merosakkan kenderaan jika tidak diberi tip. Biasanya pemandu tidak berkira untuk menghulur sedikit wang atas rasa simpati.

Yang merisaukan ialah ulat parkir yang lebih 'ganas' menguasai sesuatu kawasan tertentu. Perbuatan mereka menetapkan bayaran dan merosakkan kenderaan jika tidak diberi wang sangat membimbangkan, menjadikan orang ramai takut.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak berkuasa termasuk polis dan DBKL memantau dan mengekang kegiatan tidak sihat ini. Usah dibiarkan kegiatan tidak diingini ini berterusan.

Benar, bukan mudah untuk membuat pemantauan sepanjang masa. Tetapi itulah cara terbaik bagi mengekang ulat parkir ini. Ambil tindakan tegas terhadap yang terlibat, terutama bagi yang didapati berkali-kali mengulang kesalahan sama.

Beretika ketika buang sampah



KU SEMAN KU HUSSAIN

KITA tentu pernah melihat mentol lampu kalimantang, botol atau perkakas kaca yang pecah dibuang di tempat sampah. Bahkan besi-besi tajam yang boleh mendatangkan bahaya juga ada dihumban di tempat sampah. Sampah difahami sebagai sesuatu benda yang tidak diperlukan lagi.

Itu sudah menjadi perkara biasa. Ia menjadi biasa kerana semua yang terpampang di depan mata kita itu jarang dilihat melampaui sudut pandang yang biasa.

Sudut pandangan seperti itu sebenarnya kerap menutup cara kita melihat sesuatu dari sudut yang lain. Cara kita melihat sesuatu dalam kehidupan telah dinormalisasi oleh persekitaran dan ini menjadi halangan untuk melihat sesuatu daripada berbagai-bagai sudut yang lain.

Makna kehidupan yang sebenar bukan sahaja hidup, akan tetapi sentiasa cuba untuk memahami manusia lain. Memang benar berusaha memahami dan berada pada kedudukan kelompok atau golongan lain suatu yang agak meremehkan.

Dalam menjalani kehidupan sosial yang sentiasa diburu masa, seolah-olah sentiasa tidak cukup 24 jam sehari yang diberikan itu. Maka hal itu mendorong sesetengah individu enggan berfikir tentang orang lain, apatah lagi yang tidak berkaitan secara langsung dengannya.

Akan tetapi hakikat sebuah kehidupan adalah saling berkait dan terhubung antara satu dengan lain. Bagaimanapun hal itu berlaku dari dalam jiwa dan tidak bersifat fizikal terutama oleh individu yang percaya bahawa kehidupan itu saling berkait antara satu dengan lain.

Tentu ada yang tertanya-tanya apakah kaitan topik kehidupan dengan kaca mentol lampu kalimantang, botol pecah atau bilah-bilah besi yang dibuang di tempat sampah? Jawapannya, ia berkaitan kerana kehidupan kita sentiasa terhubung dengan kelompok manusia yang hidup dengan sampah.

Pengangkut sampah menjadikan persekitaran kerja yang kotor itu sebagai lorong rezeki untuk menyara keluarga. Sampah



ADANYA manusia yang sanggup bergelumbang dengan sampah adalah satu rezeki dan perlu dibalas dengan rasa prihatin yang tinggi. - Gambar hiasan

termasuk yang sangat berbahaya seperti serpihan kaca lampu kalimantang, cermin jendela dan bilah-bilah besi menghubungkan kita dengan mereka.

Maka amat wajar untuk kita memahami dan cuba berada pada kedudukan golongan berkelas paling rendah dalam susunan masyarakat. Kehidupan mereka ada cabaran dan risiko yang tersendiri sekalipun masyarakat jarang bercakap mengenai bidang kerja berkenaan.

Sampah yang disebutkan tadi bukan sahaja tajam, tetapi sangat berbahaya. Misalnya kaca mentol kalimantang ada bahan kimia yang beracun. Luka disebabkan serpihan kaca lampu itu jauh lebih bahaya berbanding kaca biasa.

Bagaimanapun disebabkan tempat itu digunakan untuk sampah, segala serpihan kaca juga turut dibuang di situ. Membuang serpihan kaca di tempat sampah bukan kesalahan. Malah membuang sampah di tempat yang disediakan itu memang suatu betul.

Bagaimanapun sudut moralnya sesuatu yang berlaku kepada pengangkut sampah misalnya tercucuk serpihan kaca yang dibuang tanpa membungkusnya adalah tanggungjawab kita. Disebabkan itulah pentingnya kita memahami alam pekerjaan orang lain yang mempunyai kaitan dengan kita.

Sekiranya kita berfikir tentang orang lain ketika membuang sampah, sudah tentu terbayang akan kemungkinan yang boleh mendatangkan kecederaan kepada mereka yang menguruskan sampah. Hal itu memungkinkan kita menjadi lebih berhemah – membungkus dan mengasingkan serpihan kaca atau besi tajam dengan sampah lain.

FIKIR ORANG LAIN

MUNGKIN ada yang berkata, itu memang kerja pengangkut sampah yang mengangkut atau menguruskan sampah. Itu adalah alam pekerjaan mereka yang penuh dengan risiko bergelumbang dengan sampah. Maka pengangkut sampah mesti berdepan dengan semua kemungkinan termasuk kecederaan.

Itu memang benar. Akan tetapi menjadi warga yang berhemah tidak semudah itu. Ada banyak yang perlu difikirkan dan hal itu termasuklah tentang orang lain yang mungkin mendapat kesusahan daripada perbuatan kita yang kurang fikir dan rasa.

Kita kerap terlupa dengan golongan yang hidup dengan sampah. Bagaimanapun hal itu bukanlah suatu yang menghairankan kerana mereka bukan siapa-siapa. Mereka golongan kelas bawah yang tertolak dari masyarakat yang

lebih tinggi status sosialnya.

Pengangkut sampah adalah mereka yang mencari rezeki dengan bergelumbang dengan sampah. Sentiasa berada dalam persekitaran yang amat tidak sihat untuk manusia dan juga haiwan.

Bagaimanapun disebabkan desakan hidup, semua yang mengancam kesihatan itu terpaksa diredah.

Di sisi kita pula, cuba bayangkan kalau tidak ada yang sanggup bekerja mencari rezeki dalam persekitaran yang kotor dan sentiasa terdedah pada bahaya. Sampah dalam kuantiti yang banyak juga mendatangkan bahaya termasuk pengeluaran gas beracun yang boleh mengancam nyawa.

Adanya manusia yang sanggup bekerja dalam persekitaran yang sedemikian adalah rezeki pada kehidupan kita. Rezeki bukan sahaja datang dalam bentuk benda atau wang ringgit, keberadaan manusia lain yang menjadikan hidup kita lebih selamat juga adalah rezeki.

Kemuliaan itu perlu dibalas dengan rasa prihatin yang tinggi dalam kalangan kita. Maka tidak hairanlah ada individu yang sanggup membungkus serpihan kaca lampu atau botol dengan berlapis-lapis kertas surat khabar kemudian dimasukkan dalam plastik.

Tujuannya supaya kaca itu tidak mendatangkan kecederaan kepada

manusia yang bertanggungjawab memastikan kediaman kita bersih.

Tentulah itu suatu yang sangat remeh dan mengambil masa kita yang mungkin sangat berharga daripada segi kebendaan. Bagaimanapun sekiranya didorong oleh rasa tanggungjawab dan faham makna kehidupan, kerja remeh itu memberikan nikmat yang tidak ternilai.

Sekalipun pengangkut sampah tidak menuntut apa-apa sekiranya berlaku kemalangan, tetapi sebagai warga yang berhemah kita wajar rasa tertanggung dengan kegagalan memikirkan keselamatan orang lain.

Sebuah kehidupan itu adalah saling berpaut dan berhubungan antara satu dengan lain. Hal yang demikian boleh meningkatkan tahap tanggungjawab terhadap sesama manusia, prihatin terhadap haiwan dan alam tumbuh-tumbuhan.

Oleh kerana itu jangan memandang rendah terhadap semua usaha kecil yang kita lakukan untuk mengurangkan kebarangkalian golongan itu mendapat kecederaan atau mengancam nyawa. Semua usaha yang baik tidak pernah membawa kerugian - setidak-tidaknya kita menjadi semakin memahami kehidupan yang sangat kompleks ini.

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sucikan hati untuk kebahagiaan hakiki

ARUS kemodenan dunia yang semakin menggila kini memerlukan setiap individu Muslim untuk mempertingkatkan diri mereka dengan bekalan kerohanian yang lebih utuh agar tidak mudah teruja dan tergoda dengan hamparan duniawi melampau. Oleh itu pendedahan ilmu penyucian jiwa sebagai asas kepada pembentukan rohani yang berkualiti dan selaras dengan kehendak Islam perlu diketengahkan kepada masyarakat umum masa kini agar kehidupan setiap individu terpandu sebagaimana dikehendaki oleh Islam.

Justeru ilmu penyucian jiwa merupakan satu-satunya jalan ataupun metode dalam Islam bagi membolehkan penganutnya mengenali hakikat sebenar tujuan kehidupan di alam maya ini. Lebih tepat lagi, istilah penyucian jiwa ini adalah berkait rapat dengan ilmu kerohanian yang begitu signifikan dalam Islam sebagai jalan paling utama bagi penganutnya untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mengenali Islam secara total.

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan umat Islam memahami tentang najis mukhafafah, mutawassitah dan mughallazah yang bersifat fizikal, tetapi tidak ramai yang memahami kekotoran-kekotoran batin dan juga cara penyuciannya. Sedangkan penyucian sebegitulah yang amat penting sehingga Allah SWT telah menyebutnya di dalam Al-Quran, Surah al-Syams ayat 9 yang bermaksud: *“Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa.”*

Penyucian jiwa di sini amat penting kerana dengan kesucian hatilah manusia akan dapat menikmati kebahagiaan yang hakiki. Kebahagiaan yang hakiki itu pula adalah hasil daripada perhubungan manusia dengan



PENYUCIAN jiwa berkait rapat bagi membentuk individu muslim yang berakhlak mulia. - Gambar hiasan

Penciptanya. Justeru itu, Islam telah menggariskan beberapa metode penyucian jiwa agar masyarakat Muslim sentiasa menjaga dan mendidik serta mengendalikan nafsunya sehingga mampu membezakan kebaikan dan kejahatan.

Kejayaan mentadibir jiwa dan hawa nafsu inilah yang dikategorikan sebagai tunjang kerohanian dalam Islam. Ini kerana, melalui unsur dalaman ia akan menghubungkan seseorang hamba dengan Tuhannya. Oleh itu, Islam meletakkan kesucian spiritual sebagai akar umbi yang mesti dititikberatkan oleh setiap penganutnya dalam konteks *taqarrub* kepada Tuhan yang dijanakan melalui amalan

penyucian jiwa.

Imam al- Ghazali (m. 505 H / 1111 M) di dalam karya agungnya iaitu Minhaj al-Abidin menukulkan bahawa tujuan pembersihan jiwa ini ialah untuk mendidik hawa nafsu yang wujud di dalam setiap diri umat manusia supaya tidak melupakan Allah SWT dan seterusnya membimbing nafsu tersebut agar tidak melakukan sebarang perkara yang boleh mendatangkan dosa.

Al-Tusi (m. 378 H / 988 M) pula menyatakan bahawa, tujuan pembersihan jiwa manusia hanyalah untuk mencapai satu matlamat sahaja iaitu mendekatkan serta membina kembali hubungan dengan Allah SWT. Dalam hal ini, beliau menjelaskan lagi bahawa, seseorang hamba itu perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan agar mereka mampu mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Menurut beliau lagi, pencapaian sebenar dalam konteks penyucian jiwa individu hanya akan dapat digarap apabila seseorang itu berupaya merasai dan menyaksikan dengan mata hatinya akan kehadiran Allah SWT di dalam jiwa individu tersebut. Apabila hal ini terjadi, sudah pasti jiwa tersebut akan

menumpukan seluruh perhatiannya kepada Allah SWT.

Dalam hal ini, penulis melihat al-Tusi meletakkan konsep mendekatkan diri kepada Allah SWT sebagai landasan utama mengapa seseorang itu perlu menyucikan jiwanya. Ini sekali gus akan mempertingkatkan lagi amalan individu tersebut agar jiwanya sentiasa mengingati Allah SWT.

Begitu juga halnya dengan apa yang diungkapkan oleh al-Ghazali, di mana beliau meletakkan aspek pendidikan hawa nafsu sebagai matlamat pembersihan jiwa manusia yang mana akhirnya akan membawa kepada satu tujuan iaitu mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dalam konteks umat Islam, jalan untuk mengenali Tuhan hanya boleh dicapai selepas melalui proses penyucian jiwa, iaitu dengan penyingkiran sifat-sifat keji dan hina diganti dengan penghiasan sifat-sifat terpuji dan mulia serta memahami tujuan hakiki manusia diciptakan.

TUJUAN MANUSIA DICIPTA

DI samping itu, gesaan terhadap melaksanakan amalan penyucian jiwa ini amat berkait rapat bagi membentuk individu Muslim yang berakhlak mulia. Hal ini bertepatan dengan perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai pembimbing umat manusia yang dilihat sebagai contoh terbaik dalam mempamerkan

“Kebanyakan umat Islam memahami tentang najis mukhafafah, mutawassitah dan mughallazah yang bersifat fizikal, tetapi tidak ramai yang memahami kekotoran-kekotoran batin dan juga cara penyuciannya. Sedangkan penyucian sebegitulah yang amat penting sehingga Allah SWT menyebutnya di dalam Al-Quran.

keunggulan akhlak sebenar yang perlu dipupuk dalam jiwa setiap umat Islam.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak.”* Dalam Surah al-Qalam ayat 4, Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia.”*

Kedua-dua ayat di atas jelas menunjukkan bahawa betapa besar dan agungnya akhlak Rasulullah yang dihabarkan oleh Allah SWT kepada kita sebagai umatnya. Atas dasar itulah Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai pembimbing umat manusia bagi membentuk nilai akhlak yang seimbang dari aspek rohani dan jasmani. Jelasnya, pelaksanaan konsep penyucian jiwa yang dianjurkan oleh Islam adalah bertujuan untuk mendekatkan diri seseorang hamba itu dengan Penciptanya, melalui pembuangan sifat-sifat tercela dan dihiasi pula dengan sifat-sifat terpuji serta memberi penekanan penuh terhadap pengawalan hawa nafsu yang menjadi tunggak utama bagi merealisasikan matlamatnya.

PENULIS Dr Khairulnizam Mat Karim merupakan Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan, Kolej Pendidikan Berterusan (CCED), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

WK2

Bil 245.12-18 JANUARI 2024

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Angkat seni permainan tradisi



Wadah erat perpaduan kaum

HAZIRAH HALIM
Foto: SYUQQREE DAIN

KEUNIKAN permainan tradisi seperti congkak, catur dan dam aji merupakan antara aktiviti yang menggamit nostalgia bagi kanak-kanak zaman silam. Suatu ketika dahulu sukan inilah yang mewarnai kehidupan di kampung-kampung.

Seiring masa berlalu dan merentas arus kemodenan, ia tetap malar segar apabila pelbagai pihak khususnya agensi kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara menjalankan pelbagai usaha untuk memartabatkan kembali permainan ini.

Malah pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dengan kerjasama kawasan kejiranan setempat serta Majlis Perwakil Penduduk (MPP) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar Kuala Lumpur turut menganjurkan pertandingan permainan tradisional.

Terbaharu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Komuniti Bandar Tun Razak mengadakan Karnival Sukan Komuniti Kampung di Dataran Pangsapuri Seri Malaysia.

Acara menarik yang melibatkan kira-kira 200 peserta tersebut menghimpunkan lima permainan tradisional seperti congkak, batu seremban, sepak raga bulatan, dam aji dan tendang tin.

Pengerusi Komuniti Madani Parlimen Bandar Tun Razak merangkap Pengarah Projek, **Hanif Lokmanal Hakim** berkata

ia merupakan salah satu wadah yang boleh mengeratkan dan menyemarakkan perpaduan penduduk setempat.

"Di peringkat sub zon, ini adalah kali pertama diadakan dan *alhamdulillah* sambutan yang diterima amat menggalakkan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

"Terima kasih kepada KBS kerana menghulurkan dana kepada Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak untuk kita laksanakan program sukan bersama komuniti yang meriah.

"Ia bukan sahaja mewujudkan peluang untuk melakukan aktiviti riadah santai semata-mata bahkan dapat membentuk satu

platform baharu kepada generasi muda untuk menyertai, mengenali dan mengetahui permainan-permainan zaman dahulu," katanya.

Mengulas lanjut, Hanif berkata semangat kesukanan dalam diri masyarakat setempat adalah

hasrat yang ingin dicapai sekali gus menjadikannya sebagai acara bulanan dengan beberapa tambahan acara sukan yang lain seperti *hiking* yang melibatkan enam zon di Bandar Tun Razak.

"*Insyallah* perancangannya adalah pada bulan Mei di mana skop penglibatan komuniti akan diperluaskan bukan sahaja daripada sub zon sahaja tetapi kepada skala yang lebih besar," katanya.

PENYATUAN KAUM

KARNIVAL Sukan Komuniti Kampung dilihat menjadi platform dalam memartabatkan dan mengangkat kembali kesenian permainan tradisi agar ia tidak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Mohamed Younos berpandangan program seperti itu adalah langkah yang baik untuk mewujudkan sikap prihatin dalam kejiranan.

"Ia melibatkan penduduk setempat secara aktif tidak kira

golongan dewasa mahupun kanak-kanak dan melalui situlah akan menjadi wadah penyatuan hubungan masyarakat setempat.

"Sukan komuniti bukanlah satu benda baharu yang telah dilaksanakan. Setiap tahun Kementerian akan menyediakan dana khas kepada Parlimen kawasan, MPP, NGO dan sebagainya untuk menganjurkan aktiviti seperti ini.

"Jadi dengan suasana di sini tambahan pula berdekatan dengan kawasan kampung, ia boleh

menyemarakkan lagi penyertaan dan suasana dengan permainan tradisional yang ditampilkan," ujarnya.

Tambahnya, acara sukan seperti ini juga pernah dianjurkan di peringkat Bandar Tun Razak menerusi Karnival Sukan Parlimen (SUKPAR).

"SUKPAR merupakan acara tahunan di bawah penyelarasan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) yang diadakan di seluruh kawasan Parlimen di bawah Wilayah Persekutuan," ujar beliau. **WK**



HANIF LOKMANAL



HANIF (dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang.



KANAK-KANAK antara peserta teramai yang hadir menyertai acara karnival.



FUAD (kiri) fokus menyusun strategi ketika bermain dam aji.



BARISAN peserta bergambar selepas acara sukan.



Perkasa sukan tradisi rakyat

GENERASI muda hari ini dilihat lebih cenderung dan terpengaruh dengan industri permainan secara digital sekali gus menjadikan sukan tradisional semakin dilupakan.

Namun kita tidak boleh menyalahkan mereka kerana faktor kehidupan hari ini menyumbang kepada perkara tersebut. Malah pengaruh dunia digital itu sendiri memberi impak terhadap perkembangan permainan tradisional.

Menurut salah seorang peserta Karnival Sukan Komuniti Kampung, **Siti Zahira Abd Murat**, sukan rakyat adalah aktiviti santai yang harus diketengahkan agar masyarakat masa kini mengetahui pengisian

kanak-kanak terdahulu.

"Meskipun generasi muda lebih terdedah kepada sukan dalam talian tetapi sambutan terhadap karnival ini amat menggalakkan. Saya lihat sukan tradisional berjaya mendapat perhatian mereka.

"Penyertaan anak-anak muda secara tidak langsung membuatkan mereka bersemangat untuk merasai keunikan permainan kanak-kanak era dahulu di samping memahami budaya yang diwarisi," katanya.

Dalam pada itu, Siti Zahira turut mencadangkan agar persatuan komuniti setempat untuk mewujudkan pasukan dan menjadikan acara ini secara mingguan atau bulanan.

"Mungkin selepas ini, pasukan

yang ada boleh bertanding dengan pasukan komuniti di luar. Saya kira ia satu pengisian yang indah," katanya langkah tersebut dapat mengelakkan kanak-kanak terlibat dengan permainan dalam talian sepanjang masa.

Sementara itu, Muhammad Fuad Ibrahim berkata dia teruja dapat mengimbuai kembali nostalgia zaman kanak-kanak yang sememangnya membawa 1,000 kenangan ketika berada di kampung halaman.

"Saya masuk permainan dam aji dan ini juga merupakan aktiviti wajib di kampung setiap hari ketika zaman kecil bersama adik-beradik dan sepupu," ujarnya.

"Dengan adanya program ini, ia bukan sahaja dapat martabatkan kesenian permainan itu sendiri malah mendidik masyarakat untuk beriadah melalui aktiviti kesukanan," jelasnya. **WK**



SITI ZAHIRA

Congkak jadi pilihan

KARNIVAL Sukan Komuniti Kampung memberi peluang kepada Adibah Suffiah, 16, untuk mengenali lebih dekat permainan rakyat yang dipertandingkan.

Menurutnya kebanyakan permainan seperti catur, batu seremban dan congkak sukar ditemui dan jarang dimainkan oleh generasi muda terutamanya yang tinggal di bandar.

"Saya berasa sangat seronok dan gembira kerana dapat bermain aktiviti ini bersama adik. Biasanya kami akan bermain apabila pulang ke kampung sahaja.

"Nenek sering bercerita tentang keunikan permainan tradisi jadi apabila saya sendiri dapat bermain, barulah saya tahu seronoknya cara mereka terdahulu mengisi masa terluang.

"Kalau di sekolah memang ada permainan seperti ini tetapi ia lebih

kepada sukan di luar dewan seperti sepak raga, galah panjang dan sebagainya.

"Saya lebih tertarik untuk bermain batu seremban, congkak dan dam aji kerana ia memerlukan strategi dan kreativiti yang tinggi. Diharapkan ia akan diteruskan pada masa akan datang," ujarnya.

Menyokong perkara itu, Ain Nursakinah, 13, berharap generasi muda mengambil peluang menyertai atau turun padang melihat bagaimana amalan dan corak tradisi masyarakat dahulu melalui permainan.

"Kalau dibiarkan permainan tradisi ini, ia akan dilupakan dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, semua pihak perlu memainkan peranan sewajarnya untuk menggalakkan anak mereka untuk menyertai apa jua acara permainan tradisional yang dianjurkan," katanya. **WK**



PERMAINAN congkak antara salah satu permainan tradisi rakyat yang sering dimainkan dan masih relevan.



AFZAN/ABDULLAH

Duta kecil Kuala Lumpur

SYUQQREE DAIN
Video: **HASIF HALIMI**

HANYA berbekalkan alat optik dan sebuah telefon pintar untuk menghasilkan imej, komuniti jurugambar jalanan yang menggelarkan diri mereka sebagai Fotografi Jalanan Malaysia (FJM) kreatif menghasilkan gambar sejak 13 tahun lalu.

Kehadiran mereka di lokasi tumpuan sekitar Kuala Lumpur khususnya di Pasar Seni, Jalan Petaling, Pasar Karat dan Jalan Tunku Abdul Rahman pada hujung minggu sudah tidak asing lagi.

Pengasas FJM, Afzan Abdullah, 47, berkata pada awal penglibatannya dalam dunia fotografi, dia kerap berlegar di sekitar ibu kota sambil memegang kamera sambil mengabadikan ragam manusia di jalanan.

Jelasnya, titik mulanya melibatkan

diri dalam dunia fotografi jalanan ketika menyaksikan sekumpulan pelancong yang ingin mengambil gambar bersama Menara Berkembar Petronas. Pelbagai aksi mencuit hati membuatnya terdetik untuk merakam momen jalanan seperti itu.

"Bermula dari situlah saya mula mempelajari teknikal kamera dan cara penggunaan lensa sendiri selama lebih setahun kerana tiada tempat untuk dirujuk.

"Objektif utama penubuhan FJM agar lebih ramai yang mengenali genre fotografi jalanan sekali gus tidak meminggirkannya kerana lazimnya mereka yang mahu 'bermain' kamera sudah pasti akan bermula dengan gambar jalanan," kongsinya.

Dia yang menetap di Nilai berkata pemilihan Kuala Lumpur sebagai subjek utamanya kerana ibu kota yang sentiasa sibuk itu mempunyai banyak kisah yang boleh didokumentasikan.

Bercerita mengenai gambar paling bermakna yang pernah dirakamkan, Afzan berkata sekeping foto yang menggambarkan dua darjat hasil

bidikan kameranya pernah tular sekitar tahun 2008 hingga 2009.

"Terdapat sebuah kereta mewah melalui Jalan Petaling sambil seorang gelandangan sedang meminta sedekah. Gambar itu membawa makna yang berharga.

"Saya pernah dijemput untuk mengadakan bengkel fotografi di beberapa negara luar seperti Brunei pada tahun 2010, Singapura dan yang paling jauh di India dan Mesir. Ketika itu hanya negara luar yang boleh menerima bakat saya," ujarnya yang berkesempatan menjadi juri di beberapa pertandingan fotografi terkemuka dunia antaranya GR Photo Festival 2023 pada hujung tahun lalu.

"Selepas hampir 15 tahun berkecimpung dalam dunia ini, saya harap lebih ramai lagi yang akan menerokai genre ini kerana bagi saya jurufoto jalanan adalah duta kecil yang memberi sumbangan dalam memperkenalkan tempat menarik dalam negara kepada pelancong luar," ujarnya berharap seni ini diberi perhatian oleh pihak sepatutnya. **WK**



KOMUNITI Fotografi Jalanan Malaysia (FJM) yang mempunyai ahli seramai lebih 26,000 orang dari seluruh Malaysia.



INTERAKSI bersama subjek adalah salah satu aspek penting dalam memotret sebuah foto jalanan.



KARYA signifikan milik Afzan yang menggambarkan dua darjat yang berbeza.



Santai dalam rumah kaca

DIANA AMIR
Foto: SHUAIB AYOB

KAFE berkonsepkan hipster sememangnya menjadi pilihan dan tumpuan terutamanya anak-anak muda meluangkan masa bersantai sambil menikmati menu ringkas yang ditawarkan.

Tidak hairanlah dengan konsep serta dekorasi unik yang diketengahkan, ia juga menjadi spot *instagrammable* untuk mereka berswafoto dan seterusnya diabadikan dalam laman sosial masing-masing.

Salah satunya adalah kafe Glasshopper yang berkonsepkan rumah hijau dalam taman. Terletak di Taman Botani, menariknya kafe kaca estetik ini membolehkan pengunjung menikmati keindahan alam semula jadi.

Menurut pemiliknya, **Farouk Faisal**, kafe yang terletak di Presint 1, Putrajaya itu memberi pengalaman unik kepada pengunjung menikmati redup suasana taman sambil menjamu selera.

"Ia berkonsepkan *glasshouse* atau rumah hijau di mana ideanya teretus berdasarkan kajian dan pemerhatian yang dilakukan di pelbagai tempat termasuklah di Chiang Mai, Thailand," ujarnya

perniagaan tersebut dijalankan bersama tiga orang rakannya.

Ber cerita lanjut, Farouk berkata dia dan rakan kongsinya membawa matlamat yang sama ketika memutuskan untuk membuka kafe ini iaitu mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan muda di luar sana.

"Kami ingin membantu seramai mungkin individu dan dalam masa yang sama mereka boleh memajukan diri untuk lebih berjaya pada masa hadapan," ujarnya cawangan pertama tersebut mula beroperasi sepenuhnya pada 17 November 2023.

Berkongsi mengenai menu yang ditawarkan, Farouk berkata Glasshopper mengetengahkan konsep fusion, autentik dan barat selain minuman kopi yang menjadi pilihan ramai.

"Antara menu *signature* kami adalah pakistani chai, salmon aglio olio, hainanese chicken chop, nasi lemak ayam rempah dan pelbagai jenis kopi. Selain itu, pencuci mulut pula terdiri daripada waffle dan ais krim dan tiramisu.

"Sempena tahun 2024, kami merancang untuk menambah beberapa menu yang kebanyakannya adalah permintaan serta cadangan daripada pelanggan Glasshopper,"

ujarnya yang akan mengumumkan dengan lebih lanjut rancangan kafe tersebut pada bulan Ramadan akan datang.

Mampu menempatkan 80 pelanggan dalam satu masa, Farouk berkata kebanyakan pelanggannya menyukai konsep yang diaplikasikan selain ia merupakan satu-satunya kafe hipster dalam taman di Putrajaya.

"Dalam kafe dua tingkat ini, kita mengetengahkan hiasan dalaman yang estetik untuk memastikan ia menjadi lokasi bergambar unik berbumbung lutsinar.

"Pelanggan juga boleh duduk di kawasan luar kafe di bawah pohon hijau selain kita juga menyediakan kerusi bersesuaian untuk mereka bersantai seolah-olah berada dalam hutan," ujarnya turut menempatkan kipas di bahagian luar kafe bagi memberi keselesaan kepada pelanggan.

SAMBUTAN LUAR JANGKAAN

SETIAP perniagaan pasti berdepan dengan cabaran tidak terkecuali juga bagi Farouk bersama tiga lagi rakan kongsinya sepanjang menguruskan Glasshopper beberapa bulan lalu.

"Kami datang daripada pelbagai latar belakang seperti korporat,



automotif, dekorasi dalaman, pengurusan perniagaan dan juga fotografi. Sewaktu memutuskan untuk membuka kafe ini, kami sepakat biarpun tahu pelbagai cabaran menanti di hadapan.

"Ini adalah pengalaman pertama kami terlibat dalam industri makanan dan minuman. Bergelar usahawan dalam bidang ini bukan sesautu yang mudah kerana banyak perkara yang kami berempat perlu pelajari.

"Antara cabaran utama adalah memberi keselesaan dan kepuasan kepada pelanggan sebaik mungkin. Sepanjang tempoh tiga bulan ini kami banyak menerima maklum balas daripada pelanggan.

"Alhamdulillah ia dapat ditempuhi dan kami sentiasa berusaha untuk memberikan yang

terbaik. Dalam masa yang sama, sambutan yang diterima luar jangkaan sehingga tidak menang tangan terutama pada hujung minggu," ujar Farouk.

Mengulas lanjut, dia berkata mereka turut berhadapan dengan masalah barangan mentah yang mahal kerana bahan-bahan yang digunakan adalah premium demi kepuasan pelanggan.

"Di sini menu yang ditawarkan merupakan resipi daripada cef kami sepenuhnya yang nyata mempunyai keunikannya tersendiri.

"Kepuasan pelanggan adalah keutamaan kami," jelasnya mereka amat menitikberatkan komen pelanggan sekali gus meningkatkan mutu secara berterusan. **WK**



ANTARA menu yang menjadi pilihan pengunjung di Glasshopper merupakan resipi daripada cef yang berpengalaman.

Martabat bahasa Melayu di media sosial

MALAYSIA, sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan bahasa, menghadapi cabaran yang semakin ketara, iaitu kemerosotan taraf penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda. Bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan, semakin terpinggir dalam kehidupan harian, terutamanya dalam kalangan golongan muda, lagi-lagi mereka yang menetap di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur. Fenomena ini mengejutkan dan memerlukan perhatian serius daripada pelbagai pihak untuk menangani isu ini sebelum ia menjadi lebih berat dan berleluasa.

Tempoh hari, seluruh negara terkesima dengan adanya warganegara Malaysia yang langsung tidak berkebolehan untuk bertutur dalam bahasa Melayu apabila ditanya soalan semasa membaharui pasportnya. Susulan itu, individu-individu yang sama sepertinya dalam kegagalan menguasai bahasa Melayu bersuara dan turut terdedah di media sosial.

Perkara ini sangat memalukan dan membimbangkan kerana bahasa Melayu memiliki peranan penting dalam membentuk identiti negara dan kegagalan untuk menguasai bahasa kebangsaan berpotensi mencalarakan keperibadian nusa dan bangsa. Pelbagai tindak balas negatif telah dikemukakan oleh warga netizen, beberapa daripadanya berbunyi ‘rampas pasportnya!’ dan ‘pindahlah ke negara lain!’, tetapi itu bukanlah sikap yang diingini atau perbuatan yang sah di sisi undang-undang.

Salah satu daripada punca utama kemerosotan ini ialah pengaruh globalisasi dan anasir luaran. Anak-anak muda kini lebih terdedah kepada media dan hiburan luar negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Malah terdapat juga mereka yang lebih tertarik dengan bahasa asing seperti bahasa Korea, oleh sebab gelombang K-pop yang kian berkembang. Tambahan pula, penggunaan bahasa selain daripada bahasa Melayu dalam persekitaran digital dan media sosial turut menyumbang kepada kekurangan penggunaan bahasa Melayu.

Meskipun pembelajaran dan penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing sangat digalakkan, bahasa kebangsaan semestinya diberi keutamaan. Kita hendaklah berbalik kepada asal-usul kita dan sedar bahawa kita berpijak di bumi Malaysia, iaitu gabungan kata ‘Malays’ dan imbuhan Latin-Yunani ‘-ia’ yang membawa maksud ‘bumi orang Melayu’. Amat mengaibkan jika terdapat orang berbangsa Melayu yang menetap di bumi orang Melayu tetapi tidak boleh bercakap bahasa orang Melayu. Janganlah



ANAK muda terdedah kepada hiburan luar negara yang menggunakan bahasa Inggeris. - Gambar hiasan

kita diumpamakan kacang lupakan kulit seperti sejenis kelompok yang dipalitkan dengan istilah ‘Bangsar bubble’ yang sering disindir sebagai golongan yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu walaupun ramai dalam kalangan mereka berbangsa Melayu.

KERAP DAN KONSISTEN

UNTUK menangani masalah ini, kita sepatutnya menyelami gaya hidup generasi muda dan melihat dunia daripada lensa hidup mereka. Sudah tentu ramai dalam kalangan mereka menggunakan aplikasi seperti *TikTok*, *Instagram*, *X* dan lain-lain. Oleh itu, pelbagai langkah yang menerapkan penggunaan teknologi semasa dapat diatur untuk menarik minat generasi muda untuk menggunakan bahasa Melayu secara lebih kerap dan konsisten. Misalnya, bukan sahaja pihak-pihak seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mahupun institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, bahkan sesiapa juga yang cakna seeloknya mempelawa pempengaruh di media sosial yang sangat mengetahui cara dan ragam generasi muda untuk menghasilkan *content* atau kandungan berkenaan dengan bahasa Melayu, budaya Melayu, dan sebagainya.

Di samping itu, bagus juga jika kita mengguna dan menggalakkan tanda pagar yang menarik seperti *#BanggaBM* supaya kandungan tersebut menular di medsos. Kini terdapat sebilangan

pempengaruh yang terkenal dengan kandungannya yang memberi petunjuk dan nasihat mengenai bahasa Melayu, contohnya Cikgu Zack Kirana (@zackkirana27 di *TikTok*) dan Dr Faizul (@malaylingwist di *X*). Antara aneka cara untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda:

1. Siri pendidikan bahasa Melayu: Rakamkan siri pendek tentang kekayaan bahasa Melayu di *Instagram* dan kongsikan fakta menarik, simpulan bahasa dan peribahasa yang unik atau sejarah perkataan dalam bahasa Melayu.
2. Sayembara kreatif bahasa Melayu: Anjurkan pertandingan video pendek, persembahan komedi atau karya seni digital dalam bahasa Melayu di *TikTok* dan berikan hadiah yang menggalakkan penyertaan.
3. Wawancara dalam bahasa Melayu: Rakamkan audio siar atau *podcast* di *Spotify* dengan tokoh terkenal, penulis atau personaliti yang menggunakan bahasa Melayu.
4. Rancangan bual-bualan bahasa Melayu: Adakan rancangan bual-bualan atau temu ramah menggunakan fungsi *Space* di *X* dan fokus pada isu-isu semasa, hiburan atau perkembangan terkini dalam bahasa Melayu.
5. Wujudkan komuniti bahasa Melayu: Bangunkan komuniti dalam talian yang menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu di platform seperti *X*, *Discord*, *Telegram* atau *WhatsApp*, untuk

dijadikan tempat untuk berkongsi kisah, tip belajar atau bahan bacaan dalam bahasa Melayu.

Melalui pendekatan ini, generasi muda dapat melibatkan diri dalam proses pemartabatan bahasa Melayu dengan cara yang menyeronokkan dan bermakna di dunia media sosial yang semakin berkembang pesat. Dengan mengambil langkah-langkah bersepadu dan melibatkan semua pihak, kita mampu menyelamatkan bahasa kebangsaan ini daripada kemungkinan kehilangan tempat dan antarabangsa.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dalam mempertahankan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang megah.

Sebelum ini, ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua urusan rasmi jabatan kerajaan mesti menggunakan bahasa Melayu, amat bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan.

“Saya tekankan dalam dasar kerajaan, saya bincang dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Jemaah Menteri, kadang-kadang ada kekeliruan. Memang kita tekankan dalam bahasa perdagangan adalah bahasa Inggeris, tetapi ada sikap yang saya rasa terlajak, terpesong daripada beberapa jabatan, baik penjawat awam apatah lagi universiti (awam), universiti dan sektor swasta yang sering cuba meninggalkan asas

“Amat mengaibkan jika terdapat orang berbangsa Melayu yang menetap di bumi orang Melayu tetapi tidak boleh bercakap bahasa orang Melayu. Janganlah kita diumpamakan kacang lupakan kulit seperti sejenis kelompok yang dipalitkan dengan istilah ‘Bangsar bubble’ yang sering disindir sebagai golongan yang tidak fasih bertutur bahasa Melayu walaupun ramai dalam kalangan mereka berbangsa Melayu.”

Perlembagaan untuk berhubung dengan jabatan kerajaan dalam bahasa kebangsaan.

“Jadi saya ingin peringatkan hal ini, jika dalam kalangan syarikat tempatan dan universiti tempatan termasuk swasta... Sesiapa saja menulis (surat) selain dalam bahasa kebangsaan, (maka) surat itu akan dipulangkan,” kata beliau dalam ucapan Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 di Universiti Multimedia (MMU) baru-baru ini.

Setelah hampir tujuh dekad negara ini mencapai kemerdekaan dan bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi negara dalam Perlembagaan Persekutuan, isu memartabatkan bahasa Melayu terus diperjuangkan dan tidak pernah terhenti.

Dalam masa yang sama, pelbagai inisiatif universiti awam dilakukan untuk memastikan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa. Lebih-lebih lagi dalam era media sosial ini. Sebagai contoh pelaksanaan Ujian Komunikasi dalam bahasa Melayu (UKOM) yang diwajibkan kepada pelajar prasiswazah tempatan sebelum bergraduat.

PENULIS Dr Amir Rashad Mustaffa merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa-Bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Tidak gentar saingi produk antarabangsa

AINI MAWAWI

BERSAING dalam memasarkan produk penjagaan rambut bukan mudah memandangkan terdapat pelbagai jenama antarabangsa yang mempunyai pengguna tersendiri dan pasaran yang kukuh.

Namun ia tidak mematahkan semangat **Mohd Redzwan Shujaiddin**, 39, untuk terus mengembangkan perniagaan produk perawatan rambut yang dimulakan sejak tahun 2016.

Pengasas syampu Aura Hijab di bawah jenama nutrifrag ini sentiasa positif berdepan arus cabaran untuk meletakkan produknya sama tinggi dengan jenama antarabangsa yang ada di pasaran pada hari ini.

Berkongsi lanjut tentang liku-liku yang ditempuhi ketika mula memasarkan syampu untuk wanita bertudung ini, Redzwan berkata di awal pembabitannya tujuh tahun lalu agak sukar untuk beliau menembusi pasaran.

"Tempoh dua hingga tiga bulan awal merupakan satu jangka masa yang sulit kerana syarikat tak ada maklum balas daripada pengguna memandangkan ia produk baharu. Kalau nak cari ejen jualan sekalipun, mereka akan tanya tentang rekod sebelum itu berjaya dijual atau tidak.

"Dalam masa yang sama, kita juga berdepan dengan saingan jenama popular yang pengguna dah kenal. Ibaratnya kalau letak Aura Hijab di sebelah syampu lain di pasar raya, memang orang akan pilih jenama antarabangsa berbanding produk kita.

"Namun, sebenarnya saya tidak melihat ia adalah cabaran yang besar kerana kekuatan Aura Hijab adalah jualan secara terus kepada pelanggan. Jadi, ada ruang untuk pihak kami menerangkan tentang syampu yang dicipta khas untuk wanita Malaysia bertudung dan bonus tambahan apabila kita sebagai orang tempatan lebih arif dari segi gaya hidup, pemakanan dan sebagainya yang menyumbang kepada kesihatan rambut," ujar beliau perkongsian tersebut merupakan antara cara untuk menambat hati pengguna.

Berkongsi lanjut, Mohd Redzwan mengakui proses tiga tahun mendalami ilmu tentang produk sebelum dikeluarkan merupakan ruang menguatkan diri untuk berdepan dengan risiko dan sebarang kemungkinan yang mendatang.

"Bermula dengan memikirkan produk apa yang ingin dikeluarkan sahaja sudah mengambil masa

setahun sebelum memulakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan syampu yang mengatasi masalah rambut untuk wanita dalam lingkungan umur 30 hingga 50 tahun.

"Proses yang panjang ini jugalah yang melahirkan semangat untuk bertahan apabila diuji kerana saya memikirkan segala penat lelah, wang ringgit dan sebagainya yang telah dikorbankan. Faktor-faktor tersebut juga membuatkan saya kuat biar apa pun cubaan yang melanda," ujarnya.

Beliau juga merupakan antara usahawan yang berdepan cabaran ketika kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan COVID-19 menyerang negara sekitar tahun 2020.

"Ketika itu masalah utama adalah dari segi stok, biarpun kilang boleh beroperasi untuk barangan asas seperti syampu tetapi kami berdepan dengan kilang percetakan di mana tempahan akan mengambil masa sehingga dua bulan untuk sampai berbanding hanya dua minggu sahaja sebelum pandemik. Modal pusingan pun kena lebih membuatkan banyak syarikat gulung tikar.

"Namun mujurlah selepas keadaan semakin pulih, banyak bantuan dan suntikan dana yang disalurkan kepada peniaga sekali gus daripada situ jugalah saya kembali bangkit dengan melatih tim untuk memasarkan produk secara lebih meluas dan aktif.

"Pada permulaan perniagaan, syarikat memang aktif melatih ejen seluruh Malaysia tetapi selepas COVID-19, kita fokus kepada tim dalaman kerana sepanjang tempoh pandemik, saya lihat ramai ejen yang tukar bidang dan mencuba pelbagai cabang baharu," ujarnya yang turut menyediakan kelas latihan khusus kepada timnya.

Berbicara tentang idea untuk mengeluarkan produk syampu, usahawan ini berkata ia bermula ketika melihat isterinya yang sering membeli pelbagai jenama syampu perawatan rambut.

"Apa yang saya perasan isteri saya suka beli dan mencuba produk yang ada di pasaran. Belum habis satu produk, dia beli jenama lain pula dan dia tidak kisah untuk membelanjakan duit untuk itu asalkan masalah rambut dapat diatasi.

"Daripada situ juga saya sedar, betapa pentingnya mahkota itu untuk dijaga dengan sebaik-baiknya. Tanpa berfikir panjang, saya memutuskan untuk menghasilkan produk syampu yang bukan sahaja

dapat membantu isteri bahkan wanita bertudung di luar sana yang mempunyai masalah berkaitan rambut," ujarnya.

Tambahnya keistimewaan produk Aura Hijab adalah bahan yang digunakan terdiri daripada habbatus sauda, buah keras, daun bidara dan minyak zaitun.

JUALAN JUTAAN RINGGIT

SEIRING masa berlalu, usahawan muda ini semakin mengorak langkah kejayaan apabila berjaya membuat jualan hampir RM6 juta pada tahun lalu sekali gus ia merupakan pencapaian yang membanggakan bagi sebuah jenama tempatan.

Malah, Aura Hijab semakin dikenali di Singapura dan Brunei sehingga beberapa negara luar lain menyangkakan ia adalah produk keluaran kota singa. Sejak dipasarkan pada tahun 2018 di Singapura, jualan sangat memberangsangkan dan mencecah 2,000 unit sebulan.

"Di sana kita tiada buat iklan hanya mengharapkan pengedar sahaja, jadi untuk tahun 2024 ini fokus saya untuk menaikkan jualan di Singapura dengan memberi tumpuan terhadap pemasaran selain akan membuka anak syarikat di sana," ujarnya yang turut berhasrat untuk memasarkan produk di pasar raya besar pada masa akan datang.

Bakal membuka sebuah wisma tiga tingkat di Nilai dalam masa terdekat, Pengarah syarikat Be One Excel Sdn Bhd ini bersyukur perjalanan dalam bidang perniagaan dipermudahkan seterusnya berjaya membuahkan hasil satu persatu membuktikan usaha kerasnya selama ini.

"*Insyallah* apabila selesai proses pengubahsuaian, kita akan masuk ke wisma baharu yang lebih luas. Di situ saya akan besarkan tim seterusnya memberi tumpuan terhadap segmen digital lain seperti jualan secara langsung di platform media sosial *TikTok* dan sebagainya," ujarnya.

Aktif dalam membantu usahawan kecil memasarkan produk, beliau juga sering berkongsi pengalaman dengan mengadakan kelas berkaitan dunia digital kepada mereka yang berminat dan turut berkolaborasi bersama Kolej Teknologi Bestari, Ampang.

"Kita juga mempunyai kumpulan *WhatsApp* untuk ejen

berkomunikasi secara langsung jika ada masalah untuk dikongsi bersama selain tip berkaitan pemasaran digital yang kita semua tahu sangat penting ke arah perniagaan yang lebih kreatif dan global," ujarnya.

Bercerita tentang produk Melayu bumiputera yang dihasilkan, Redzwan berkata Aura Hijab ialah jenama produk penjagaan rambut untuk mereka yang mempunyai masalah rambut gugur, rambut nipis, rambut berbau dan kelemumur.

"Produk ini berbeza dengan syampu biasa kerana kita merupakan rawatan sebenar bagi pelbagai masalah

rambut yang dihasilkan dalam bentuk syampu untuk memudahkan kegunaan harian dan tidak mengganggu rutin wanita.

"Oleh sebab itu kita menjadikan syampu ini 3 dalam 1 iaitu syampu, perapi dan pewangi bagi memudahkan golongan wanita tanpa perlu memakai banyak produk dalam satu masa," ujar beliau.

Selain produk penjagaan rambut, jenama produk di bawah nutrifrag ini turut mempunyai rangkaian produk lain antaranya penjagaan kulit, susu kolostrum dan ubat sakit lutut dan sendi di mana dutanya merupakan pelakon popular


Faizal

Hussein.

WK



PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY

Fokus naik taraf kehidupan warga kota

YWP belanja 42% dana tabung

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) membelanjakan kira-kira 42 peratus (%) daripada dana Tabung Pendidikan dan Pelajaran kepada sektor pendidikan sepanjang tahun 2023.

Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj** berkata perbelanjaan tersebut merangkumi aspek bantuan persekolahan, makanan serta biasiswa pelajar sekolah menengah termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT).



ABDUL RAHMAN

“Segala bantuan yang disalurkan khusus kepada pelajar-pelajar memerlukan, miskin bandar mahupun asnaf di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“Selain itu, berdasarkan rekod tahunan juga, YWP berjaya membantu para peniaga dan penaja kecil yang memerlukan menerusi inisiatif ekonomi yang mencatatkan peratusan kedua tertinggi dalam perbelanjaan tabung tersebut iaitu



YWP fokus salur bantuan merangkumi aspek Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T). - Gambar hiasan

sebanyak 30 peratus,” kata beliau.

Walau bagaimanapun, aspek teknologi mengekalkan rekod catatan penerima bantuan tertinggi berbanding empat aspek lain dengan jumlah seramai 55,917 penerima.

Jelas beliau, sektor pendidikan merekodkan jumlah penerima sebanyak 5,884 penerima, ekonomi (35,119 penerima), sosial (10,389

penerima) dan agama (2,830 penerima).

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata di peringkat anak-anak syarikat YWP turut merekodkan pencapaian terbaik menerusi YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku) yang berjaya meluaskan liputan ke seluruh negara.

“Meskipun akhbar ini diterbitkan secara cetak namun ia turut

memfokuskan kepada edaran secara digital melalui platform-platform tersedia seiring kecanggihan teknologi.

“Manakala, Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) juga telah menaik taraf sistem pinjaman perumahannya bagi kemudahan rakyat serta berjaya membantu golongan asnaf membeli rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR)

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

atau Perumahan Awam (PA) melalui pinjaman perumahan yang ditawarkan,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Rahman mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi YWP dan akan terus berganding bahu membantu warga kota memerlukan tanpa ada kecikiran menerusi pucuk kepimpinan baharu di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa. **WK**

Rapid Bus tingkat mutu perkhidmatan

RAPID Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatannya melalui pelan transformasi 2021 yang diperkenalkan untuk menggalakkan lebih ramai orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Muhammad Yazurin Sallij** berkata selari dengan perkara tersebut, terdapat beberapa perkara utama yang harus diberi penekanan antaranya aset bas yang semakin menua, kekangan tenaga kerja kapten bas serta pertukaran mod pengangkutan awam dalam kalangan masyarakat.

“Rapid bas mempunyai lebih 1,000 bas untuk dioperasikan namun yang bergerak di Kuala Lumpur adalah sebanyak 915 bas. Perancangan tahunan *insya-Allah* kita akan tambah lagi.

“Pengoperasian bas di jalan raya juga sedikit sebanyak dipengaruhi oleh faktor kekangan tenaga kerja kapten bas di mana ia menjadi permasalahan utama pihak kami.

“Ramai yang lebih memilih untuk memandu *Grab* sekarang kerana prosesnya lebih mudah dan tahap stres juga kurang. Menjadi kapten bas perlu mementingkan servis terhadap penumpang dan perlu lebih berhati-hati memandangkan kita membawa jumlah penumpang yang ramai,” ujaranya.

Sungguhpun jumlah kapten bas di jalan raya berkurangan, namun



SEJUMLAH 915 bas rapid beroperasi di Kuala Lumpur.

Yazurin berkata pihaknya telah melatih kira-kira lebih 780 bas kapten dan daripada jumlah itu hanya 160 sahaja di dalam akademik.

Selain itu, Yazurin memberitahu pihaknya juga akan mempertingkatkan langkah bagi menarik minat masyarakat untuk menaiki bas kerana ia boleh membantu mengurangkan penggunaan kenderaan di jalan raya khususnya di kawasan tumpuan di samping mempercepatkan masa perjalanan.

“Berdasarkan statistik yang pernah diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebelum pandemik jumlah kenderaan yang masuk ke Kuala Lumpur adalah sebanyak 4.5 juta tetapi setelah

pandemik, ia bertambah menjadi enam juta kenderaan.

“Kebanyakan masyarakat masa kini melihat sekiranya dia menaiki bas di dalam kesesakan lalu lintas yang sama dengan kenderaan lain, berkemungkinan bas tersebut lebih lambat berbanding dengan kenderaan sendiri kerana mereka perlu tunggu dan berhenti di laluan tertentu.

“Jadi itulah antara fokus yang kita cuba tambah baik. Malah melalui aplikasi *PULSE* yang kita laksanakan, orang ramai amat digalakkan untuk merancang perjalanan terlebih dahulu sebelum menaiki bas,” katanya projek percubaan lorong bas di Laluan Ampang dan Genting Klang mendapat sambutan menggalakkan. **WK**

Budaya aktiviti sukan

PERANTI dan gajet kini sering kali mengambil alih masa senggang anak-anak untuk melakukan sebarang kegiatan sukan atau aktiviti sihat yang lain.

Hal ini disebabkan pengaruh penggunaan gajet begitu kuat dan sering mencengkam sebahagian masa dalam seharian. Seandainya tiada pengawalan dan peraturan yang ditetapkan oleh ibu bapa, kekusaran anak-anak terjerumus jauh dengan gajet akan mendatangkan banyak keburukan berbanding kebaikan.

Justeru itu, pembudayaan aktiviti sukan perlu dipupuk sejak kecil dengan melaksanakan pelbagai aktiviti sihat termasuk di peringkat sekolah.

Menurut Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Danau Kota (2), Hazizan Hussain, bagi mengimbangi pengaruh gajet, pihaknya sedaya upaya melaksanakan pelbagai aktiviti sihat seperti penganjuran Kejohanan Olahraga Sukan Tahunan.

“Pelaksanaan kejohanan ini berupaya menonjolkan atlet-atlet pelapis yang akan mewakili sekolah pada tahun seterusnya dan secara tidak langsung akan mewujudkan persaingan sihat sesama murid,” katanya.

Tambah beliau kejohanan tersebut merupakan penganjuran kali ke-16 seiring penubuhan sekolah pada tahun 2006.

“Hal ini membuktikan bahawa saban tahun sekolah akan sedaya upaya menganjurkan kejohanan olahraga ini dalam memastikan pihak sekolah senantiasanya dibarisi pelapis yang akan mewakili sekolah dan berupaya mengharumkan nama sekolah sehingga di peringkat kebangsaan,” ujaranya.

Selain itu, Hazizan berkata kejohanan yang mengangkat tema perbankan di Malaysia itu telah menjulang pasukan rumah kuning selaku johan keseluruhan bagi tiga tahun berturut-turut dan secara tidak langsung telah menunjukkan persaingan yang baik sesama ahli rumah sukan serta mewujudkan suasana kompetitif yang produktif serta berdaya saing secara sihat.

“Kami mengharapkan kejohanan olahraga ini akan terus dilaksanakan pada tahun akan datang demi memastikan pembangunan murid yang holistik serta kemenjadian murid secara menyeluruh.

“Semoga kejohanan sebegini akan menyemarakkan lagi semangat kesukan dalam diri setiap murid-murid, seterusnya berupaya mendukung bakal pelapis yang cemerlang dalam bidang sukan pada suatu hari nanti,” katanya yang turut teruja melihat sokongan ibu bapa serta masyarakat setempat yang hadir memeriahkan kejohanan pada kali ini. **WK**

Personaliti kunci kejayaan alam pekerjaan

DEWASA ini, pengangguran merupakan isu utama bagi mana-mana graduan. Harapan besar ibu bapa menghantar anak mereka ke menara gading agar dapat merubah nasib keluarga mereka kepada keadaan yang lebih baik. Menurut Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran di Malaysia adalah sebanyak 3.5 peratus.

Justeru, personaliti, sikap serta kemahiran merupakan kunci kepada alam pekerjaan. Ini kerana majikan akan memilih pekerja berdasarkan kepada personaliti mereka yang terserlah, sikap yang baik, kemahiran di samping keputusan pengajian yang memberangsangkan.

Ramai yang tersilap antara sikap dan personaliti. Bagi mereka itu adalah dua perkara yang sama. Mengikut model personaliti kesepadanan pekerjaan Holland, personaliti seseorang perlu memadani sesuatu pekerjaan. Barulah seseorang pekerja boleh bertahan dalam pekerjaannya. Justeru, seseorang perlu memilih pekerjaan yang sesuai dengan personalitinya.

Menurut model ini, terdapat enam jenis personaliti iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, keusahawanan dan konvensional. Seseorang yang realistik adalah seorang yang menyukai aktiviti fizikal yang memerlukan kekuatan, koordinasi dan kemahiran. Personaliti realistik sesuai dengan jawatan arkitek, petani dan jurutera.

Manakala personaliti penyelidikan adalah seorang yang suka bekerja dengan teori, maklumat dan kefahaman. Contoh profesion yang sesuai dengan personaliti ini ialah seperti peguam, profesor dan pakar matematik. Personaliti artistik adalah seorang yang kreatif, imaginatif dan idealistik. Contoh pekerjaan yang sesuai dengan personaliti ini ialah artis, pemain



KEMAHIRAN interpersonal juga penting dalam menjalin hubungan baik sesama pekerja. - Gambar hiasan

muzik dan penulis.

Seseorang yang memiliki personaliti sosial pula suka membantu orang lain dari segi menyembuh dan membangun mereka. Contoh profesion yang sesuai dengan personaliti ini ialah kaunselor, doktor dan guru. Seseorang yang memiliki personaliti keusahawanan adalah seorang yang gemar kepada persekitaran yang kompetitif, pandai mempengaruhi orang lain, energetik dan yakin kepada diri sendiri. Contoh pekerjaan yang sesuai dengan personaliti ini ialah pengurusan, pemasaran dan jurujual.

Jenis personaliti terakhir adalah personaliti konvensional di mana orang yang memiliki personaliti ini gemar kepada membuat keputusan berlandaskan kepada peraturan dan merupakan seorang yang efisien dan praktikal. Contoh jawatan yang sesuai dengan personaliti ini ialah

akauntan, kerani dan editor.

Sikap pula terbahagi kepada dua jenis iaitu positif dan negatif. Sikap positif yang dikehendaki oleh majikanialah seperti keinginan untuk belajar, rajin, bertanggungjawab, berdisiplin, inovatif dan kreatif serta telus. Manakala kemahiran yang diperlukan dalam alam pekerjaan adalah seperti pengurusan masa, kerja pasukan, penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi, pembuatan keputusan dan kemahiran organisasi.

Menurut tiga organisasi yang ditemui bual, sebuah organisasi otomobil terbesar di negara ini memilih keupayaan untuk melakukan pekerjaan sebagai kemahiran pekerjaan graduan yang paling dituntut oleh organisasi mereka. Menurut mereka, kemahiran ini penting bagi memastikan kereta keluaran mereka laku dijual kepada orang

ramai. Manakala sebuah organisasi monopoli di negara ini mengatakan ekstrasvasi sebagai personaliti yang digemari oleh mereka.

Ekstrasvasi merupakan kemahiran komunikasi. Organisasi ini juga turut bersetuju dengan ketrampilan sebagai salah satu daripada faktor pengambilan pekerjaan. Begitu juga dengan sebuah organisasi PKS (perindustrian kecil sederhana) juga turut bersetuju dengan ketrampilan sebagai kemahiran pekerjaan yang paling dilihat oleh mereka.

Menurut mereka, ramai graduan yang tidak pandai memilih pakaian yang sesuai untuk ke sesi temu bual. Namun begitu, bagi mereka, tidak perlu untuk graduan 'overdress', cukup sekadar berpakaian formal dan sopan untuk ditemui bual.

Pemakaian yang baik mempunyai kaitan dengan disiplin. Ia juga menggambarkan personaliti

“Terdapat enam jenis personaliti iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, keusahawanan dan konvensional. Seseorang yang realistik adalah seorang yang menyukai aktiviti fizikal yang memerlukan kekuatan, koordinasi dan kemahiran. Personaliti realistik sesuai dengan jawatan arkitek, petani dan jurutera.

seseorang graduan. Justeru, graduan perlu teliti dalam membuat perancangan untuk ke sesi temu bual. Buatlah perancangan untuk berjaya dan bukan untuk gagal. Seterusnya, ketiga-tiga organisasi ini juga bersetuju dengankemahiran interpersonal.

Kemahiran interpersonal juga merupakan kemahiran komunikasi perseorangan yang penting dalam menjalin hubungan baik sesama pekerja. Kemahiran ini mempunyai kaitan dengan kerja pasukan yang mana merupakan kemahiran pekerjaan. Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi harus menerapkan personaliti positif dan sikap baik ini serta kemahiran pekerjaan dalam silibus pengajaran mereka sejajar dengan objektif untuk memastikan graduan mendapat pekerjaan sebaik sahaja mereka bergraduasi.

PENULIS Profesor Madya Dr Ilhaamie Abdul Ghani Azmi merupakan Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA: PT10 BUSINESS CENTRE ■ KAMPUNGBARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJ STORE ONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■ **PUTRAJAYA** - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJAJAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJAJAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2**: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■ **LABUAN** - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCA-RANCA ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU



Maklumat lanjut sila dapatkan di www.wilayahku.com.my

Aktiviti kokurikulum bentuk jati diri

Graduan seimbang aset penting negara

AKTIVITI kokurikulum mampu membentuk jati diri pelajar sebagai persiapan mereka dalam menghadapi cabaran dunia pada hari ini.

Menurut Timbalan Pengarah Kokurikulum Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), **Dr Sharifah Rahamah Amirul**, pelaksanaan kokurikulum itu sejajar dengan misi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

Katanya, menerusi penganjuran Karnival Kokurikulum Berkredit akan menjadi pemangkin kepada kelahiran mahasiswa yang holistik dan seimbang dari segi aspek jasmani, rohani dan sosial.

"Dengan penganjuran karnival ini sudah tentunya menjadikan mahasiswa kelas pertama yang dapat menyumbang kepada kelestarian dan pembangunan negara khususnya," katanya kepada pemberita pada Karnival Kokurikulum Berkredit di perkarangan UMS-KAL, baru-baru ini.

Tambahnya graduan yang



SEBAHAGIAN pelajar bergambar pada Karnival Kokurikulum Berkredit di perkarangan UMS-KAL.

seimbang merupakan aset penting kepada negara untuk memacu pembangunan dan mampu bersaing di peringkat

antarabangsa.

"Selain itu, karnival ini turut memupuk disiplin mahasiswa untuk menjadi seorang pemimpin

pada masa hadapan," jelasnya.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari itu disempurnakan oleh Ketua Pentadbiran UMS-KAL,

Zamri Mohammad Tuah.

Beliau dalam ucapannya berkata program ini juga memberikan pengalaman dan peluang kepada semua pelajar yang terlibat dalam mengembangkan potensi mereka secara tidak langsung membentuk jati diri yang kukuh bagi setiap pelajar.

Selain itu, beliau turut menahirkan ucapan tahniah dan syukur atas penganjuran program serta dorongan dari satu gerak kerja oleh semua pelajar yang menunjukkan kesungguhan tinggi dalam menayakan program tersebut.

"Melalui program sebegini dapat melatih nilai kerjasama di antara pelajar dan organisasi luar dalam mengadakan program serta memantapkan lagi kemahiran insaniah mahasiswa itu sendiri.

"Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi satu asas atau elemen penyatuan dalam semangat berpasukan serta satu keraian yang akan mengeratkan lagi silaturahim sesama pelajar, pensyarah dan seluruh warga UMS-KAL serta Labuan," katanya. WK



JEMA'AH bergambar selepas Majlis Solat Hajat Perdana dan Bacaan Yasin.

Lebih 700 hadir bacaan yasin

PELAJAR, ibu bapa dan guru menyertai Majlis Solat Hajat Perdana dan Bacaan Yasin yang diadakan di Masjid Sultan Abdullah, Kampung Sungai Bedaun baru-baru ini.

Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Labuan dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau-Rantau itu dirasmikan Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Abidin Marjan.

Menurut beliau pelaksanaan itu merupakan salah satu program yang telah ditakwimkan dalam kalendar jabatan dengan tema Tekad SPM 100 % Kita Punya!

"Program ini bagi mendoakan agar 1,082 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dan 18 pelajar daripada Labuan International School (LIS) memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan

penting.

"Ia juga merupakan salah satu cara untuk mendidik pelajar mendekatkan diri serta memohon kepada Allah SWT agar diberi ketenangan dan kejayaan dalam SPM setelah berusaha sedaya upaya sebelumnya.

"Guru, ibu bapa dan komuniti turut mendoakan agar peperiksaan SPM tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur," ujar beliau yang turut berterima kasih kepada lebih 700 orang yang terlibat dalam program tersebut.

Majlis yang berlangsung selama lebih kurang tiga jam itu melibatkan ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Rantau-Rantau selain jabatan dan agensi kerajaan yang turut sama mendoakan kejayaan calon-calon SPM di Labuan. WK

Aktiviti golf bersama media

KEJOHANAN Golf Tahun Baharu Jemputan Media 2024 yang diadakan di padang Labuan International Golf Club (LIGC) bakal menjadi acara tahunan yang menarik pada masa hadapan.

Pengerusi Persatuan Penggiat Media Labuan, Jainuddin Djimin berkata acara tersebut mendapat sambutan menggalakkan selain merupakan antara aktiviti santai yang bermanfaat.

"Kerjasama daripada pihak yang terlibat antaranya Perbadanan Labuan dan LIGC merupakan satu gabungan yang hebat dan akan diteruskan seperti biasa.

"Kita ucapkan syabas kepada para pemain dan tidak lupa juga kepada pihak yang bertungkus lumus untuk menjayakan kejohanan ini," ujar beliau.

Tambahnya seramai 40 peserta yang terdiri daripada pemain tempatan telah menyertai kejohanan 18 lubang tersebut dengan jayanya.

Terdahulu, kejohanan tersebut menyaksikan Idris Mohamad dan Ismifarizal Mohammad Ishak dinobatkan sebagai juara bagi kategori Gross VIP dan Jemputan. Idris Mohamad yang beraksi pada Kategori VIP berjaya mencatatkan 82 pukulan sekali gus menewaskan 15 pemain VIP yang lain.

Naib juara bagi kategori VIP dimenangi oleh Datuk Hung How Kiong dengan

catatan 88 pukulan. Manakala, tempat ketiga dimenangi oleh Taufik Al dengan 91 pukulan.

Manakala bagi kategori Gross jemputan pula, Mohd Ismifarizal berjaya melakukan 89 pukulan seterusnya meraih hadiah berupa wang tunai meninggalkan pemain di tempat kedua dan ketiga iaitu A Roslee Karim dan Mohd Alif Gapilin. Sementara untuk kategori Nett, Helmi Bali melakukan 70 pukulan dua bawah par bagi meraih gelaran juara.

Kejohanan yang berlangsung pada Sabtu lalu itu merupakan anjuran Persatuan Penggiat Media Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan dan LIGC.

WK



ISMIFARIZAL (tengah) menjuarai kategori Gross Kejohanan Golf.

Pertandingan Gurindam Merbuk Putrajaya Siri 1 2024

246 ekor burung merbuk berlagu di Putrajaya

SABRINA SABRE

SEBANYAK 246 ekor burung merbuk dari negara ASEAN beradu suara dalam Pertandingan Gurindam Merbuk Putrajaya Siri 1 2024 yang diadakan di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, penganjuran acara tersebut sebagai platform bagi mengumpul semua penggemar burung merbuk di dalam dan luar negara untuk berkunjung ke pusat pentadbiran kerajaan itu.

“Setelah berjaya menganjurkan pertandingan di peringkat kebangsaan dan ASEAN pada penganjuran sebelum ini, pihak PPj berhasrat untuk meneruskan lagi acara ini pada tahun 2024 dan akan datang.

“Penganjuran Gurindam Merbuk Putrajaya Siri 1 berjaya menarik lebih banyak penyertaan dan pengunjung yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan peringkat golongan sasar dari dalam dan luar negara.

“Padang Semarak di Taman Wetland dijadikan lokasi Taman Burung Merbuk sekali gus sebagai tapak bagi Pertandingan Seni



TERDAPAT ratusan burung merbuk dihimpunkan di Padang Semarak Taman Wetland, Presint 13.

Suara Merbuk yang merupakan acara bulanan di Putrajaya,” ujarnya.

Di samping itu, beliau berkata pertandingan itu dilaksanakan

untuk memberi peluang khususnya kepada warga Putrajaya dan kawasan sekitarnya untuk mendapatkan pendedahan serta pengetahuan berhubung dengan

teknik dan kaedah terbaik penjagaan burung merbuk selain membudayakan seni suara merbuk yang menjadi salah satu tradisi warisan negara ini.

“Penganjuran Gurindam Merbuk Putrajaya pada bulan hadapan menjangkakan sebanyak 300 penyertaan pengunjung tempatan serta luar negara ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

“Keunikan dan kelunakan melodi suara merbuk ini mempunyai daya tarikan serta peminatnya yang tersendiri,” ujarnya penganjuran program tersebut merupakan kerjasama pihak PPj bersama Jabatan Landskap & Taman serta rakan strategik iaitu Persatuan Seni Suara Merbuk Dan Terkukur Malaysia.

Lebih menarik, terdapat aktiviti-aktiviti jualan produk untuk burung seperti sangkar serta makanan burung selain orang ramai juga turut berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan berkongsi pengetahuan berkaitan aspek penjagaan burung merbuk sepanjang acara berlangsung.

Terdahulu, Pertandingan Seni Suara Merbuk (Peringkat ASEAN) 2016 turut diiktiraf Malaysia Book of Records (MBOR) kerana menerima sebanyak 1,237 penyertaan burung merbuk sekali gus menjadikan ia bilangan terbanyak dalam acara seumpamanya di Malaysia. **WK**

Terokai tiga keunikan pusat pentadbiran negara

PENGEMBARAAN Program Pasport 50WP anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) memberi peluang kepada para peserta menerokai dan menjelajah keunikan serta kepelbagaian 50 lokasi menarik yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Di bawah merupakan antara tiga lokasi *checkpoint* menarik dan wajib dilawati di sekitar Putrajaya yang pasti tidak akan menghampakan anda.

PUTRAJAYA SECRET GARDEN

KALAU anda peminat filem avatar, anda pasti kagum dengan tarikan taman rahsia ini. Putrajaya Secret Garden ini merupakan sebuah taman yang telah direka dan dihias khas menggunakan pelbagai lampu LED.

Lampu-lampu ini melingkari setiap ceruk taman menerusi pokok-pokok, laluan atau *pathway*, gerbang-gerbang khas dan juga infrastruktur yang dibina di sini.

Hiasan lampu yang kelihatan seolah-olah helaian digantung di pokok-pokok menambah lagi suasana magis di sini. Malah terdapat juga *bush-bush* yang kelihatan seperti bunga-bunga bercahaya.

ASTAKA MOROCCO

KAWASAN Astaka Morocco menjadi salah satu pusat tumpuan orang ramai untuk bergambar kerana keunikan seni bina replikanya seperti di Marrakesh.

Ia terletak bersebelahan Taman Botani Putrajaya dan seni binanya diinspirasi oleh istana di Maghribi.

Dari pintu gerbang yang gagah sehingga kepada pancuran air mewah di taman bunga, pengunjung pasti rambang mata

untuk memilih lokasi untuk bergambar.

CHOCOLATE SOUQ



KEDAI coklat terbesar di Lembah Klang, Souq Shoppe Putra Mosque menjadi tarikan terbaharu di Putrajaya dengan penampilan *photo booth* Reese's dan Hershey's gergasi yang pertama di Malaysia.

Kedai seluas 11,000 meter persegi itu bukan sahaja menawarkan pelbagai

coklat jenama tempatan dan antarabangsa, tetapi memberi pengunjung peluang bergambar dalam alam fantasi dengan reka cipta dalaman yang dilengkapi lampu warna-warni dan struktur klasik.

Lebih menarik, terdapat banyak *instaworthy spot* di sepanjang laluan pejalan kaki ini.

Jadi, jangan lepaskan peluang anda untuk berkunjung ke lokasi-lokasi menarik di sekitar Putrajaya dan bergambar bagi melengkapkan aktiviti jelajah anda. **WK**



Latih diri konsisten dalam bola jaring

Nasha sedia tempa nama di Kejohanan Dunia

SABRINA SABRE

HAMPIR 11 tahun mendapat pendedahan dalam sukan bola jaring, kini atlet **Nasha Nuraina Muhammad Aznal**, 23, bercita-cita untuk menempa kejayaan bersama skuad kebangsaan di Kejohanan Dunia.

Berada di posisi pertahanan, setiap kali terpilih untuk tampil di pentas pertandingan, dia sebolehnya mencuba untuk memastikan skuad bola jaring menempa kejayaan yang tersendiri.

“Saya akan berusaha bersungguh-sungguh kerana setiap kali pasukan memperoleh kemenangan, secara tidak langsung ia juga merupakan kejayaan bagi diri saya sendiri,” ujarinya.

Selain itu, atlet Wilayah Persekutuan yang mesra disapa Nasha ini meletakkan sasaran untuk mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

“Selagi apa yang dicita-citakan tidak tercapai, saya tidak mahu terlalu cepat meletakkan diri dalam zon selesa. Walau bagaimanapun *alhamdulillah* sejak kecil lagi, saya lihat perjalanan dalam dunia sukan bola jaring ini mudah,” ujar



AKSI Nasha (kanan) dalam Netball Super League tahun lalu.

atlet yang mula bergiat aktif dalam sukan sejak berumur 12 tahun.

Menjadikan pemain Jamaican, Shamera Sterling sebagai idola kerana tahap kecergasan pemain tersebut, Nasha mengakui latihan yang kerap dan konsisten amat

diperlukan dalam sukan tersebut.

“Bagi saya, kemahiran dan ketangkasan dalam bermain dapat diperolehi melalui kekerapan latihan yang dijalani. Sebagai pemain, kita perlu sentiasa fokus ketika berada di gelanggang,” ujar

anak kelahiran Kuala Lumpur ini.

Sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa di Universiti Putra Malaysia (UPM), Nasha memberitahu dia menyimpan cita-cita untuk bergelar pengulas sukan apabila

Pencapaian Nasha

2023 - Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), UPSI - Emas

2023 - Sukan Institusi Pengajian Malaysia (SIPMA) - Emas

2023 - Netball Super League (NSL), Stadium Juara Bukit Kiara - Tempat keenam

tamat pengajian pada tahun 2025 kelak.

“Sungguhpun mencintai sukan bola jaring namun saya tidak pernah sesekali mengabaikan pelajaran dan menjadikan gelaran atlet sebagai suatu halangan. Itu janji saya kepada diri dan keluarga.

“Kalau boleh saya ingin bergelar atlet yang berpendidikan tinggi. Malah besar harapan suatu hari nanti dapat menjadi pengulas sukan yang hebat,” ujar anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini. **WK**

MSWP anjur Pertandingan Cipta Logo

MAJLIS Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mempelawa orang ramai yang kreatif dan berbakat untuk menyertai Pertandingan Mencipta Logo MSWP sebelum penyertaan ditutup pada 21 Januari ini.

Menurut MSWP, penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.

“Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan tetapi hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak ditiru atau diciplak daripada mana-mana logo tempatan mahupun luar negara,” ujarinya panel penilai berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.

Dalam masa sama, MSWP memaklumkan penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga.

“Sekiranya terdapat persamaan dalam reka bentuk logo yang dihantar, peserta yang terlebih dahulu menghantar borang lengkap dengan ilustrasi yang jelas akan dianggap sebagai pemenang.

“Reka bentuk mestilah baharu dan asli serta tiada unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.

“Semua logo yang diterima akan menjadi hak milik MSWP dan tidak akan dikembalikan,” ujarinya pihak

MSWP berhak terhadap logo yang dipilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai dan digunakan dalam mana-mana acara rasmi dan bahan promosi yang difikirkan wajar tanpa perlu membuat sebarang notis atau bayaran kepada peserta.

Tambahnya, pemenang pertandingan tempat pertama akan membawa pulang hadiah wang

tunai sebanyak RM3,000, tempat kedua RM2,000 dan tempat ketiga RM1,000 selain turut membawa pulang cenderahati.

Sebarang keterangan lanjut mengenai syarat dan terma penyertaan, boleh layari laman sesawang <https://bit.ly/PertandinganMenciptaLogoMSWP>.

WK

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
21 JANUARI 2024

HADIAH
TEMPAT 1 - RM 3,000
TEMPAT 2 - RM 2,000
TEMPAT 3 - RM 1,000

IMBAS QR UNTUK BORANG PENYERTAAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

www.majlis.gov.my | @MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN | @official_mswp | @MSWP_WPKS

Eddy tawan puncak tertinggi

JURULATIH kecergasan, Eddy Syamin berjaya menakluki puncak tertinggi di Asia Tenggara pada 6 Januari lalu.

Menurut WebTVAsia, dia mula mendaki pada Jumaat (5 Januari) dan sampai di puncak pada keesokannya.

“Pada pukul 9 pagi, dia telah sampai ke Laban Rata yang merupakan rumah persinggahan bagi para pendaki pada jam 3 petang petang sebelum menyambung balik pendakian bermula pada jam 2.40 pagi keesokan harinya dan sampai di puncak pada pagi hari yang sama (6 Januari),” katanya.

Berkongsi mengenai persiapannya, sebagai seorang yang memang sudah aktif sejak dari dulu, dia hanya melakukan persiapan yang ringkas dan cuma menambahkan aktiviti cardio.

“Pendakian Gunung Kinabalu adalah bukti keazaman dan ketabahan Eddy. Walaupun hampir berputus asa, dia tetap meneruskan

perjalanan sampai ke puncak.

“Pencapaiannya bukan sahaja mempamerkan kehebatan fizikal tetapi juga menyerlahkan kekuatan mental, merangkumi nilai-nilai disiplin dan kecekalan,” ujarinya.

Terletak di tengah-tengah Borneo, Gunung Kinabalu terkenal dengan bentuk muka bumi yang mencabar dan pemandangan menakjubkan, ekspedisi Eddy berjaya menjadi inspirasi kepada peminat dan individu yang bercita-cita tinggi di seluruh dunia.

Meskipun bangga dengan pencapaiannya, dia masih tidak berpuas hati dan berhasrat untuk kembali ke puncak Gunung Kinabalu buat kali keduanya. **WK**



EDDY sebelum memulakan pendakian.

Ubah gaya hidup

DARI MUKA 24

ALYAH juga akan memastikan Tok Ram mematuhi arahan doktor yang mahukannya menjaga gaya hidup agar tidak lagi diserang Vertigo.

"Doktor cakap, Tok Ram perlu seimbangkan gaya hidupnya. Dalam bekerja, Tok Ram perlu banyakkkan rehat. Memang dia tidur, tetapi dalam fikirannya macam-macam terlintas. Jadi tidur pun kurang berkualiti.

"Tambahan pula sekarang, di rumah ada studio sendiri. Jadi, dia akan bekerja kuat dan lebih banyak masa dihabiskan dalam studio. Isteri mana tak risaukan suami yang sakit. Jadi saya kurangkan aktiviti di luar kerana dia. Kami tiada orang gaji. Apa-apa saya buat sendiri.

"Cuma apabila ada *show* atau urusan yang tidak dapat dielakkan, Tok Ram benarkan saya pergi. Katanya dia okay sahaja. Tapi saya tetap rasa bimbang dan akan minta tolong saudara mara tinggal di rumah sementara saya di luar.

"Pernah ketika saya sedang menuju ke acara usrah, Tok Ram telefon dan beritahu dia menggigil apabila diserang Vertigo. Saya tak mahu ia berulang lagi," jelasnya yang rela berkorban apa sahaja demi suami.

Menyentuh soal gaya hidup suaminya, Alyah mengakui Tok Ram pengarah muzik tersebut seorang yang sangat menjaga kesihatan terutamanya dalam soal makan dan minum. Namun, menurut Alyah suaminya itu sangat komited dalam bekerja sehingga lupa untuk berehat.

"Kalau nak dibandingkan dengan saya, rasanya dia jauh lebih bagus dalam menjaga kesihatan. Makanan minuman dia jaga cuma bila bab bekerja ni, kadang-kadang dia tidak dapat kawal kerana terlalu mahukan yang terbaik," luahnya.

KARIPAP CINTA BEKU

SELAIN menyanyi, Alyah kini aktif berniaga kuih Karipap Cinta Beku Dapo Alyah. Ternyata kuih kegemaran ramai tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan sehingga dia memutuskan untuk meneruskan bisnes tersebut biarpun berdepan kekangan masa.

Karipap sejuk beku yang dihasilkan terdiri daripada tiga jenis karipap iaitu inti kari ayam, kentang telur, daging dan kentang sardin.

"Ini adalah bisnes famili. Kakak saya yang buat karipap *homemade* ni. Kami tidak mengejar kuantiti sebaliknya lebih mengutamakan kualiti. *Alhamdulillah* rasanya cukup mendapat maklum balas yang positif.

"Selain itu, bermula Febuari dan bukan Ramadan nanti, saya akan jual kuih bom inti kacang dan begedil udang. Tidak lupa juga, atas permintaan ramai, biskut raya premium juga akan dijual menjelang hari raya nanti," tambahnya lagi.

Bagi yang ingin mendapatkan hasil air tangan Alyah bolehlah singgah ke laman

Instagram @
dapoalyah.

WK



Jangan sakiti diri

PENYANYI tinggi lampai, **Aisha Retno** menggunakan lirik-lirik lagu ciptaannya sebagai cara untuk meluahkan elemen cinta yang kompleks dalam menasihati anak muda yang sanggup berkorban apa sahaja demi cinta.

Aisha atau nama sebenarnya, Sharifah Aisha Retno Sayed Sipulijam, 22, berkata kecewa dalam cinta adalah lumrah kehidupan yang sentiasa ditempuhi sesiapa sahaja tetapi tidak adil jika sanggup memudaratkan diri sendiri.

"Saya sebagai penulis dan penyanyi banyak menterjemahkan pengalaman percintaan dalam lagu. Apa sahaja yang dirasakan saya masukkan dalam lirik-lirik lagu tersebut.

"Jadi nasihat saya kepada mereka yang putus cinta tu, menyakiti diri itu perkara yang perlu kita jauhi. Kenapa kita nak salahkan diri sendiri? Kecewa dalam cinta

itu perkara biasa yang akan sembuh oleh masa.

"Bagi saya dalam percintaan ini, tiada istilah salah atau betul. Ini kerana banyak lagi aspek lain yang boleh difikirkan atau diambil sebagai jalan penyelesaian secara matang.

"Untuk itu, kita perlu mendekatkan diri dengan Allah atau ikut kepercayaan agama selain perlu muhasabah diri. Ambil masa untuk fikir apa yang terbaik dan apa yang perlu diperbaiki. Sebagai manusia biasa, kita pasti akan buat silap," ujarnya.

Dalam masa yang sama, dia turut berpesan agar jangan mengasingkan diri jika kecewa sebaliknya habiskan masa bersama keluarga dan kawan rapat untuk menenangkan diri.

"Umur remaja masih terlalu muda dan jauh lagi perjalanan dalam hidup ini. Kejarlah cita-cita sebelum cinta," ujarnya yang bakal beraksi di pentas berprestij Anugerah Juara Lagu ke-38 (AJL38) menerusi lagu Sutura.

Sebagai penggiat seni, Aisha tidak pernah melabelkan dirinya sebagai artis malah terbuka untuk dijadikan rujukan atau inspirasi buat golongan muda di luar sana asalkan mereka bersemangat untuk terus menjalani kehidupan. WK



KLIFAA martabat industri filem

LEBIH 50 buah negara bakal menyertai Anugerah Akademi Filem Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 (KLIFAA) pada 7 hingga 11 Ogos depan di Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pengerusi KLIFAA, **Tengku Azlan Sultan Abu Bakar** berkata tiba masanya Malaysia tampil menjadi tuan rumah bagi acara majlis anugerah berprestij industri hiburan yang mengiktiraf karya filem terbaik di peringkat antarabangsa.

"Visi dan matlamat penganjuran KLIFAA untuk edisi pertama ini diharapkan dapat menjadi bukti kehebatan seni pembikinan filem terbaik dengan bahasa penceritaan sejagat.

"Selain itu ia akan menyerlahkan komitmen penganjuran festival dalam mempromosikan kepelbagaian, kecemerlangan artistik serta keterangkuman industri produksi filem dan televisyen global.

"Justeru, saya amat berharap pihak kerajaan menerusi kementerian berkaitan dapat memberi kerjasama dan menyokong usaha murni yang dilakukan ini untuk memartabatkan lagi bidang perfileman tanah air ke peringkat lebih tinggi," katanya pada sidang media sempena penganjuran KLIFAA di Panggung 1, Kompleks Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), baru-baru ini.

Azlan berkata KLIFAA turut berhasrat agar ia dapat diteruskan menjadi lebih daripada satu majlis anugerah yang mampu diiktiraf sebagai platform terbaik bagi pertukaran budaya.

"Malah, antara program komprehensif yang dirancang pada festival ini ialah tayangan filem, termasuk perbincangan panel, kelas pakar, jaringan perniagaan dan majlis

anugerah berprestij," ujar beliau.

Difahamkan, kira-kira 21 buah negara yang berminat sudah bersetuju menyertai KLIFAA dan turut mendapat sokongan positif daripada pihak kedutaan negara masing-masing untuk menghantar penyertaan.

Sehubungan itu, bagi pembikinan filem dan artis berbakat di seluruh dunia yang berminat boleh mengambil bahagian dengan menghantar karya mereka untuk penilaian mengikut kategori dipertandingkan dari 1 Mac hingga 31 Mei depan dengan melayari laman sesawang KLIFAA.

Terdahulu, turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif FINAS, Datuk Azmir Saifuddin Mutalib dan Pengerusi Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), Datuk Afdlin Shauki. WK



AZLAN (kiri) bersama Azmir dan Afdlin (dua dari kanan) pada sidang media.



Nasha sedia tempa nama
di Kejohanan Dunia

▶▶22

TOK RAM SYURGA

Alyah

DEEL ANJER

“**SAYA** akan setia bersamanya hingga ke akhir hayat dalam keadaan susah atau pun senang. Itulah janji diri ini kerana dialah syurga saya,” luah penyanyi **Datin Alyah** yang kini sedang sibuk menjaga suaminya, Datuk Ramli MS yang diserang gejala Vertigo.

Alyah atau nama sebenarnya Noor Hasliah Abu Hassan, 43, berkongsi keadaan kesihatan suaminya, pengarah muzik tersohor yang lebih mesra dengan panggilan Tok Ram.

Menurut Alyah, Tok Ram pernah beberapa kali diserang Vertigo sebelum ini namun tidaklah seteruk yang dialami sekarang.

“Kata doktor, Vertigo yang dialami Tok Ram ini disebabkan ada cecair yang tidak seimbang dalam kepala. Ini bukan kali pertama ia menyerang cuma kali ini agak teruk dan disebabkan itulah perlu ke hospital untuk rawatan.

“Dia tidak ditahan di wad seperti mana yang diperkatakan sebaliknya hanya mendapatkan rawatan di hospital dan perlu berehat di rumah. Saya turut berkongsi di media sosial agar mereka yang sedang berurusan dengan kami dapat memahami situasi yang sedang berlaku.

“Saya ada urusan luar begitu juga dengan Tok Ram. Apabila dia diserang keadaan tersebut, ada kalanya saya tak sempat nak jawab mesej atau panggilan,” katanya.

Menurut Alyah, selepas diperiksa, doktor mengesahkan Vertigo tersebut disebabkan beberapa faktor antaranya kurang rehat, banyak berfikir dan tidur yang tidak berkualiti.

“Tak dinafikan, selepas program All Star Gegar Vaganza tamat baru-baru ini, Tok Ram terus fokus kepada banyak acara termasuklah konsert Cakra Khan yang bakal

dilangsungkan Februari ini.

“Apabila hari-hari dengar muzik tanpa rehat yang secukupnya, ia sedikit sebanyak mengganggu keseimbangan cecair dalam telinganya. Dia seorang yang kuat bekerja dan mahukan yang terbaik, namun apabila tidak cukup rehat, tak jaga makan dan banyak fikir, Vertigo tu boleh serang bila-bila masa sahaja,” jelasnya.

Dia turut memberitahu, Vertigo yang menyerang suaminya ketika berada di Singapura itu boleh terjadi secara mengejut dan beberapa kali dalam masa sehari.

“Sebelum ini, pernah empat kali dia mengalaminya. Pernah sekali ketika tengah makan dia berasa pening, tidak boleh berjalan dan membuatnya terduduk seketika. Ia amat bahaya kerana boleh berlaku tiba-tiba sahaja. Sebab itu sekarang saya banyak bawa kereta kerana risaulah kalau ia terjadi ketika dia sedang memandu.

“Sekarang ini saya mahu dia berehat dan saya perlu tegas dalam soal makan dan rehat dia. Kesihatan paling utama kerana ia akan membuatkan dia lebih selesa untuk bekerja,” jelasnya.

▶▶ 23